

**D.R. 21/91**

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI 1991**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**KETUA PENGARAH KERETAPI**

3. Perlantikan Ketua Pengarah.
4. Tugas-tugas dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah.
5. Kuasa untuk mewakili.
6. Kuasa Menteri untuk memberi arahan.

**BAHAGIAN III**

**SKIM KERETAPI**

7. Skim keretapi.
8. Kelulusan skim keretapi dan pendepositan pelan, keratan, dsb.
9. Keretapi hendaklah dibina mengikut pelan-pelan diluluskan.
10. Tanah persendirian boteh diambil bagi keretapi.

**BAHAGIAN IV**

**PEMBINAAN DAN KERJA-KERJA**

11. Kuasa syarikat keretapi untuk melaksanakan segala kerja yang perlu.
12. Kuasa-kuasa dalam hal kemalangan.
13. Pembayaran pampasan.
14. Kerja-kerja kemudahan.
15. Kerja-kerja tambahan.

## Fasal

40. Pelupusan barang-barang tak dituntut.
41. Perekuisisian bagi akuan bertulis mengenai perihalan barang-barang.
42. Barang-barang merbahaya atau memudaratkan.
43. Kemudahan trafik.
44. Syarikat keretapi bukan suatu pengangkut am.

**BAHAGIAN VIII****KEMALANGAN**

45. Notis mengenai kemalangan hendaklah diberi.
46. Siasatan.
47. Menteri boleh memerintahkan siasatan.
48. Erti "kemalangan".
49. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan notis mengenai kemalangan, dsb.
50. Pengemukaan penyata mengenai kemalangan.
51. Penalti kerana kegagalan mematuhi seksyen 45.
52. Penalti kerana kegagalan mematuhi seksyen 50.
53. Pemeriksaan perubatan wajib bagi orang yang tercedera dalam kemalangan keretapi.

**BAHAGIAN IX****KESALAHAN DAN PENALTI**

54. Mabuk atau pelanggaran tugas.
55. Membawa barang-barang merbahaya atau memudaratkan ke atas keretapi dengan menyalahi undang-undang.
56. Memasuki atau meninggalkan koc keretapi, dsb., semasa koc sedang bergerak, atau membuat perjalanan secara luar aturan.
57. Memasuki atau meninggalkan koc keretapi secara luar aturan.
58. Menahan kemasukan, dan memasuki serta enggan meninggalkan tren yang penuh.
59. Penalti kerana kelakuan tak senonoh atau sumbang atau kacau ganggu.
60. Penalti kerana penggunaan tak wajar alat isyarat kecemasan.
61. Penalti kerana mengalihkan, dsb., tonggak, pancang atau tanda lain.
62. Penalti kerana menceroboh.
63. Penalti kerana memandu kenderaan atau menghalau haiwan ke atas atau melintasi landasan keretapi.

## Fasal

16. Pagar, adangan, get dan palang.
17. Lintasan rata bergred.
18. Lintasan rata jalan.
19. Lintasan rata suwa.
20. Lintasan rata kerja.
21. Pembuangan pokok-pokok yang merbahaya kepada atau yang menghalang pengerjaan sesuatu keretapi.
22. Notis mengenai penebangan atau penebasan pokok-pokok atau hutan yang bersempadanan dengan keretapi.

## BAHAGIAN V

PELESENAN SYARIKAT KERETAPI DAN  
PEMBUKAAN KERETAPI

23. Lesen untuk mengendalikan sesuatu keretapi.
24. Notis mengenai pembukaan yang dimaksudkan sesuatu keretapi.
25. Menteri hendaklah meluluskan pembukaan keretapi.
26. Pemeriksaan.
27. Kuasa untuk menutup keretapi apabila telah dibuka.
28. Pembukaan semula keretapi selepas penutupan.
29. Pembukaan semula landasan selepas penggantungan sementara.
30. Penalti am kerana kegagalan mematuhi Bahagian V.

## BAHAGIAN VI

## KEWAJIPAN-KEWAJIPAN SYARIKAT KERETAPI

31. Kewajipan-kewajipan syarikat keretapi.
32. Standard prestasi.
33. Pengemukaan laporan, akaun dsb.
34. Pengemukaan maklumat.
35. Pengemukaan maklumat lanjut.
36. Ketua Pengarah hendaklah diberitahu mengenai apa-apa pertukaran dalam pengawalan syarikat, dsb.

## BAHAGIAN VII

## KUASA-KUASA SYARIKAT KERETAPI

37. Jadual waktu dan senarai tambang hendaklah ditampalkan di stesen-stesen.
38. Tambang-tambang hendaklah dibayar terlebih dahulu dan tiket-tiket penumpang hendaklah diserahkan apabila diminta.
39. Lien bagi tambang, kadar dan caj lain.

## KERETAPI3

### Fasal

40. Pelupusan barang-barang tak dituntut.
41. Perekuisisian bagi akuan bertulis mengenai perihalan barang-barang.
42. Barang-barang merbahaya atau memudaratkan.
43. Kemudahan trafik.
44. Syarikat keretapi bukan suatu pengangkut am.

## BAHAGIAN VIII

### KEMALANGAN

45. Notis mengenai kemalangan hendaklah diberi.
46. Siasatan.
47. Menteri boleh memerintahkan siasatan.
48. Erti "kemalangan".
49. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubung dengan notis mengenai kemalangan, dsb.
50. Pengemukaan penyata mengenai kemalangan.
51. Penalti kerana kegagalan mematuhi seksyen 45.
52. Penalti kerana kegagalan mematuhi seksyen 50.
53. Pemeriksaan perubatan wajib bagi orang yang tercedera dalam kemalangan keretapi.

## BAHAGIAN IX KESALAHANDAN

### PENALTI

54. Mabuk atau pelanggaran tugas.
55. Membawa barang-barang merbahaya atau memudaratkan ke atas keretapi dengan menyalahi undang-undang.
56. Memasuki atau meninggalkan koc keretapi, dsb., semasa koc sedang bergerak, atau membuat perjalanan secara luar aturan.
57. Memasuki atau meninggalkan koc keretapi secara luar aturan.
58. Menahan kemasukan, dan memasuki serta enggan meninggalkan tren yang penuh.
59. Penalti kerana kelakuan tak senonoh atau sumbang atau kacau ganggu.
60. Penalti kerana penggunaan tak wajar alat isyarat kecemasan.
61. Penalti kerana mengalihkan, dsb., tonggak, pancang atau tanda lain.
62. Penalti kerana menceroboh.
63. Penalti kerana memandu kenderaan atau menghalau haiwan ke atas atau melintasi landasan keretapi.

## Fasal

64. Penalti kerana kerosakan, sama ada sengaja atau cuai.
65. Membuka atau tidak menutup dengan betul get-get.
66. Menghalang atau cuba menghalang keretapi dengan niat jahat.
67. Mencederakan atau cuba mencederakan dengan niat jahat orang-orang yang membuat perjalanan dengan tren.
68. Penalti kerana menyebabkan tren berhenti.
69. Penalti kerana perbuatan atau peninggalan sengaja yang membahayakan penumpang.
70. Penalti kerana perbuatan cuai.
71. Membuat pernyataan palsu, dsb.
72. Penalti kerana pelanggaran Akta atau peraturan-peraturan yang baginya tiada penalti khas diperuntukkan.
73. Tugas-tugas di sisi undang-undang pegawai keretapi.
74. Penangkapan pesalah-pesalah.
75. Mendapatkan kembali tambang, caj atau gantirugi.
76. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
77. Mengkompaun kesalahan-kesalahan.
78. Pendakwaan.

## BAHAGIAN X

## PENGgantungan ATAU pembatalan LESEN

79. Penggantungan atau pembatalan lesen.
80. Tindakan Menteri dalam hal-hal keadaan tertentu.
81. Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan perlantikan di bawah seksyen 80.
82. Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pengambilan alih kawalan di bawah seksyen 80.

## BAHAGIAN XI

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI

83. Kuasa kemasukan.
84. Penyelesaian perselisihan di antara syarikat-syarikat keretapi berkenaan dengan pengurusan trafik bersama.
85. Pengemukakan memorandum bagi apa-apa pertukaran pada struktur tambang, dsb., yang sedia ada.
86. Kuasa-kuasa khas semasa darurat.
87. Sekatan mengenai pelaksanaan terhadap harta keretapi.
88. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

## BAHAGIAN XII

## PERBADANAN ASET KERETAPI DAN HARTA KERETAPI

## Fasal

89. Penubuhan, keanggotaan dan fungsi Perbadanan Aset Keretapi.
90. Perlantikan Pengurus Aset Keretapi.
91. Kuasa Menteri untuk memberi arahan.
92. Pembubaran Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan perletakhakan hartanya pada Perbadanan.
93. Perletakhakan harta pada Perbadanan.
94. Perletakhakan harta yang terletak di Republik Singapura pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
95. Liabiliti boleh dikuatkuasakan terhadap Perbadanan atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
96. Perlantikan pegawai, dsb., Perbadanan.
97. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
98. Penubuhan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi.
99. Ketidaklayakan untuk diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Perbadanan.
100. Akaun teraudit, penyata, laporan, akaun dan maklumat.
101. Kuasa untuk membuang kerja pegawai dan pengkhidmat dan menyelesaikan soalan tentang saraan, dsb., mereka.
102. Kaedah-kaedah yang menentukan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmat.
103. Perbadanan boleh melupuskan harta tak alih yang terletak padanya.
104. Tanah-tanah awam tertentu disifatkan sebagai rizab keretapi.

## BAHAGIAN XIII

## PEMANSUHAN DAN KECUALIAN

105. Pemansuhan dan kecualian.
106. Kuasa untuk membuat peruntukan-peruntukan peralihan tambahan, dsb.

JADUAL.



## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan baru dalam undang-undang yang berhubungan dengan keretapi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

{ }

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keretapi 1991 dan hendaklah terpakai bagi semua keretapi di Malaysia.

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya—

- (a) peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau
- (b) kesemua peruntukan atau peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan Negeri-Negeri atau wilayah-wilayah yang berlainan.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"barang-barang" termasuklah beg barang dan harta alih lain daripada apa-apa perihalan, dan haiwan sama ada yang hidup atau mati;

"beg barang" atau "beg barang penumpang" ertinya apa-apa artikel untuk kegunaan dan kemudahan sendiri sebagaimana yang biasanya dibawa oleh penumpang tetapi tidaklah, kecuali dalam hal pedagang kembara, termasuk artikel-artikel yang dibawa bagi maksud perniagaan, perdagangan atau keuntungan;

"demuraj" termasuklah caj-caj bagi penahanan kenderaan, vesel, loji atau kelengkapan;

"gudang" ertinya apa-apa bangunan atau tempat yang disediakan atau digunakan oleh suatu syarikat keretapi bagi maksud menyimpan barang-barang; dan sekiranya syarikat keretapi itu mendapati bahawa barang-barang yang hendak disimpan dalam gudang itu lebih sesuai dibiarkan dalam Irak, maka trak itu apabila ditempatkan di suatu sisian hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, disifatkan sebagai suatu gudang;

"harta" ertinya apa-apa harta alih atau tak alih, dan termasuklah—

- (a) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa, keistimewaan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan dan sama ada terletak hak atau kontingen, berhubungan dengan mana-mana harta, atau yang selainnya mempunyai nilai;
- (b) apa-apa dokumen pemindahhakan yang disempurnakan bagi memindahhakan, menyerahhakan, menguntukkan, menyerahhakan, atau selainnya memindahkan atau melupuskan harta tak alih yang dipunyai atau dimiliki oleh orang yang menyempurnakan dokumen pemindahhakan itu atau yang ke

atasnya orang itu berhak mendapat hak kontingen, sama ada bagi seluruh kepentingannya atau apa-apa kepentingan yang kurang daripada itu;

- (c) apa-apa suratcara kewangan;
- (d) apa-apa suratcara atau sekuriti lain;
- (e) apa-apa perniagaan; dan
- (f) apa-apa harta ketara atau tak ketara lain;

"kadar" termasuklah apa-apa tambang, tambang muatan, caj atau bayaran lain bagi pengangkutan mana-mana penumpang atau barang;

"keretapi" ertinya apa-apa jua keretapi bagi pembawaan awam penumpang-penumpang atau barang-barang atau kedua-duanya, atau mana-mana bahagian keretapi itu, dan termasuklah—

- (a) segala rel, rasuk, kabel, sisian atau cabang yang dikerjakan bagi maksud-maksud, atau berkaitan dengan, suatu keretapi;
- (b) segala stokereta yang digunakan bagi maksud trafik; dan
- (c) setakat yang konteksnya membenarkan, suatu keretapi yang sedang dalam pembinaan oleh atau bagi mana-mana syarikat keretapi,

tetapi tidaklah termasuk—

- (d) Keretapi Bukit Bendera dan Keretapi Negeri Sabah;
- (e) mana-mana keretapi yang digunakan atau, dalam hal suatu keretapi yang akan dibina, yang dimaksudkan untuk digunakan, oleh mana-mana orang untuk membawa barang-barang dalam mana-mana premis yang diduduki oleh orang itu; dan

- (f) mana-mana keretapi yang digunakan atau, dalam hal suatu keretapi yang akan dibina, yang dimaksudkan untuk digunakan, keseluruhannya atau terutamanya untuk membawa penumpang-penumpang dalam mana-mana premis hiburan atau rekreasi;

"Keretapi Tanah Melayu" ertinya pengusahaan yang dikenali sebagai Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Keretapi yang dilantik di bawah seksyen 3;

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 23;

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keretapi;

*MU  
Ord. 8148.*

"Ordnan termansuh" ertinya Ordinan Keretapi 1948;

"pegawai keretapi" ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau bagi pihak mana-mana syarikat keretapi untuk melaksanakan apa-apa fungsi berkaitan dengan keretapi;

*Akta 56165.  
Sabah Bab 68  
Sarawak  
Bab 81*

"Pentadbir" mempunyai erti yang sama yang diberi kepada "Pentadbir Tanah" oleh seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965, "Pemungut" oleh seksyen 4 Ordinan Tanah Sabah atau "Pengarah" oleh seksyen 2 Kanun Tanah Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan;

"penyakit berjangkit atau menular" ertinya apa-apa penyakit yang diisytiharkan sebagai berjangkit atau menular oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 88;

*Akta 349.*

"Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" ertinya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang dilantik di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957;

"premis keretapi" ertinya kesemua premis yang di bawah kawalan atau yang diduduki atau digunakan oleh mana-mana syarikat keretapi;

"rizab keretapi" ertinya—

- (a) semua tanah yang dirizabkan sewajarnya, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, bagi maksud-maksud Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Keretapi Negeri Johor atau Keretapi Tanah Melayu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 atau di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam mana-mana undang-undang tanah terdahulu sebagaimana ditakrifkan dalam Kanun Tanah Negara 1965; dan
- (b) semua tanah yang disifatkan sebagai rizab keretapi di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 16 atau seksyen 17 Ordinan termansuh;

"skim keretapi" ertinya suatu skim bagi pembinaan keretapi yang didepositkan dengan Menteri menurut seksyen 7;

"stokereta" termasuklah tender, motor, koc, wagon, trak, troli, pengangkut daripada apa-apa jenis dan enjin lokomotif serta enjin jenis lain yang digunakan di atas keretapi;

"syarikat keretapi" termasuklah mana-mana orang atau orang-orang, sama ada diperbadankan ataupun tidak, yang merupakan pemunya atau penerima pajak sesuatu keretapi atau pihak-pihak kepada suatu perjanjian bagi pengerjaan sesuatu keretapi;

"tambang" termasuklah semua jumlah wang yang diterima atau yang boleh diterima dan semua jumlah wang yang dikenakan atau yang boleh dikenakan bagi pembawaan penumpang;

"tambang muatan" termasuklah semua jumlah wang yang diterima atau yang boleh diterima dan semua jumlah wang yang dikenakan atau yang boleh dikenakan bagi pengangkutan barang; dan

"tanah Negeri" mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Kanun Tanah Negara 1965.

## BAHAGIAN II

### KETUA PENGARAH KERETAPI

Perlantikan  
Ketua  
Pengarah.

3. (1) Menteri hendaklah, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik seorang pegawai awam menjadi Ketua Pengarah Keretapi bagi maksud menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi yang dipertugaskan kepadanya di bawah Akta ini.

(2) Ketua Pengarah hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai suatu meterai rasmi bagi pengesahan dokumen-dokumen yang dikehendaki bagi maksud tugas-tugas dan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Tugas-tugas  
dan fungsi-  
fungsi  
Ketua  
Pengarah.

4. (1) Tugas-tugas dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah adalah seperti berikut:

- (a) untuk mengawalselia kendalian keretapi dan perkhidmatan keretapi;
- (b) untuk menetapkan piawai keselamatan minimum bagi kendalian keretapi;
- (c) untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan menetapkan kelayakan minimum bagi mana-mana pegawai keretapi yang diamanahkan dengan penjagaan, pengawalan atau pengendalian sesuatu keretapi sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Ketua Pengarah;

- (d) untuk memajukan kepentingan pengguna-pengguna kemudahan dan perkhidmatan keretapi, khususnya berkenaan dengan kadar-kadar yang dikenakan, dan standard atau kualitinya; dan
- (e) untuk memajukan dan menggalakkan pengembangan dan pembaikan sistem keretapi dan kemudahan serta perkhidmatan keretapi di Malaysia.

(2) Pada menunaikan tugas-tugas dan fungsi-fungsinya di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah mengamb[il] kira yang berikut:

- (a) ekonomi dan kecekapan;
- (b) semua permintaan munasabah bagi kemudahan dan perkhidmatan keretapi;
- (c) pemajuan kemudahan dan perkhidmatan keretapi pada kadar yang konsisten dengan perkhidmatan yang cekap;
- (d) pemupukan kemajuan sepatutnya sistem keretapi dan kemudahan serta perkhidmatan keretapi di Malaysia; dan
- (e) polisi-polisi semasa Kerajaan berkenaan dengan kemajuan sosial dan ekonomi serta perlindungan alam sekeliling.

5. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili kepada mana-mana pegawai awam, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya sesuai untuk dikenakan, apa-apa tugas atau fungsinya di bawah Akta ini kecuali kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Kuasa  
untuk  
mewakil.

(2) Apa-apa perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh menahan Ketua Pengarah itu sendiri daripada melaksanakan tugas atau menjalankan fungsi yang diwakilkan demikian.

Kuasa  
Menteri  
untuk  
memben-  
arahan.

6. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi Ketua Pengarah arahan-arahan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan semua arahan sedemikian.

### BAHAGIAN III

#### SKIM KERETAPI

Skim  
keretapi.

7. (1) Tiada keretapi boleh dibina dalam Malaysia tanpa kelulusan Menteri.

(2) Mana-mana orang yang berniat untuk membina suatu keretapi dalam Malaysia hendaklah membuat permohonan kepada dan menandatangani dengan Menteri suatu skim keretapi yang hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) jenis dan sistem keretapi yang dicadangkan;
- (b) laluan am dan tempat terminal bagi sistem keretapi yang dicadangkan;
- (c) aspek keselamatan sistem keretapi yang dicadangkan;
- (d) struktur tambang atau tambang muatan yang dicadangkan; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang akan membolehkan Menteri menilai skim keretapi itu.

(3) Tiap-tiap skim keretapi yang didepositkan di bawah subseksyen (2) hendaklah disertakan dengan suatu peta yang menunjukkan laluan yang dicadangkan bagi keretapi itu.

(4) Menteri boleh menghendaki pemohon mengemukakan apa-apa maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu berkenaan dengan apa-apa maklumat yang terkandung dalam skim keretapi itu dan maklumat lanjut atau tambahan itu hendaklah dikemukakan dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana dikehendaki oleh Menteri.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, seksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa kerja pembinaan yang dijalankan oleh suatu syarikat keretapi bagi maksud meningkatkan mutu atau memperbaiki mana-mana bahagian keretapi atau premis keretapi yang dikendalikan atau disenggarakan oleh syarikat keretapi itu di bawah terma-terma lesennya setakat yang kerja-kerja itu tidak termasuk pemanjangan atau pelencongan laluan keretapi yang sedia ada.

8. (1) Menteri boleh menolak atau memberi kelulusan bersyarat kepada sesuatu skim keretapi.

Kelulusan skim keretapi dan pendepositan pelan, keratan, dsb.

(2) Jika Menteri memberi kelulusan bersyarat kepada skim keretapi di bawah subseksyen (1), pemohon hendaklah mendepositkan, di pejabat Ketua Pengarah, bagi pemeriksaan awam—

- (a) pelan-pelan dan keratan-keratan mengikut skala yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah yang menunjukkan jalan dan aras bagi keretapi yang dicadangkan itu dan juga—
  - (i) apa-apa perubahan dimaksudkan pada aras air mana-mana terusan atau pada aras atau kadar kecondongan mana-mana jalan awam atau keretapi yang akan dilintasi oleh keretapi yang dicadangkan itu;
  - (ii) apa-apa pelencongan, perluasan atau penyempitan yang dimaksudkan pada mana-mana jalan awam, sungai boleh dilayari, terusan atau keretapi;
  - (iii) apa-apa pembentangan dimaksudkan bagi mana-mana bahagian keretapi yang dicadangkan di sepanjang mana-mana jalan awam; dan
  - (iv) apa-apa lintasan dimaksudkan bagi landasan keretapi yang dicadangkan atas mana-mana jalan awam, sungai boleh dilayari, terusan atau keretapi; dan

(b) suatu buku rujukan yang mengandungi nama tuan punya dan penerima pajak tanah-tanah yang dikehendaki bagi maksud keretapi yang dicadangkan itu.

(3) Ketua Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk mengemukakan apa-apa maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu berkenaan dengan pelan-pelan dan keratan-keratan serta buku rujukan yang disebut dalam subseksyen (2).

(4) Pemohon hendaklah member! notis mengenai pendepositan pelan-pelan dan keratan-keratan serta buku rujukan itu melalui iklan dalam sekurang-kurangnya tiga terbitan berturut-turut bagi sekurang-kurangnya dua akhbar kebangsaan, yang satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan, yang mempelawa semua orang yang mempunyai apa-apa bantahan terhadap pelan-pelan dan keratan-keratan serta buku rujukan itu supaya menghantar suatu pernyataan mengenai bantahan mereka secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga bulan dari tarikh notis terakhir dalam akhbar.

(5) Apabila habis tempoh tiga bulan itu, Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan pelan-pelan dan keratan-keratan serta buku rujukan yang disebut dalam subseksyen (2) berserta dengan bantahan-bantahan mengenainya kepada Menteri untuk mendapatkan kelulusan muktamad.

(6) Menteri boleh, selepas menimbangkan pelan-pelan dan keratan-keratan serta buku rujukan itu dan apa-apa bantahan mengenainya—

(a) memberi kelulusan muktamad kepada atau menolak skim keretapi itu; atau

(b) jika dia berpendapat bahawa pelan-pelan dan keratan-keratan itu patut dipinda, mengarahkan pemohon untuk menimbang semula pelan-pelan dan keratan-keratan itu dan melapor kepadanya dalam apa-apa tempoh yang dikehendakinya.

(7) Dalam hal di rana perenggan (6)(b) terpakai, Menteri boleh, selepas menimbang pindaan-pindaan kepada pelan-pelan dan keratan-keratan itu dan dengan mengambil kira bantahan-bantahan yang dibuat di bawah subseksyen (4), memberi kelulusan muktamadnya kepada atau menolak skim keretapi itu.

(8) Pelan-pelan dan keratan-keratan itu, jika diluluskan oleh Menteri, sama ada di bawah perenggan (6)(a) atau subseksyen (7), hendaklah disifatkan sebagai pelan-pelan didepositkan yang disebut dalam Akta ini.

(9) Menteri boleh, apabila meluluskan mana-mana skim keretapi, mengenakan apa-apa kehendak atau syarat sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

9. (1) Mana-mana keretapi yang dibina di bawah Akta ini hendaklah dibuat dan disenggarakan mengikut jalan dan aras yang ditunjukkan di atas pelan-pelan didepositkan dengan segala jambatan, jejambat, stesen, sisian, jalan masuk, simpang, jalan, bangunan, halaman, kerja-kerja dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya yang sempurna.

Keretapi  
hendaklah  
dibina  
mengikut  
pelan-pelan  
diluluskan.

(2) Sesuatu laluan keretapi boleh menyimpang dari jalan keretapi yang ditunjukkan di atas pelan-pelan didepositkan, tetapi tiada penyimpangan sedemikian boleh dilanjutkan melampaui had penyimpangan yang ditunjukkan di atas pelan-pelan itu.

10. (1) Mana-mana tanah sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud pembinaan suatu keretapi dan yang ditunjukkan di atas pelan-pelan dan keratan-keratan serta disebutkan dalam buku rujukan yang didepositkan di bawah subseksyen 8 (2) hendaklah disifatkan sebagai tanah yang dikehendaki bagi suatu maksud awam mengikut pengertian Akta Pengambilan Tanah 1960.

Tanah  
persendirian  
boleh diambil  
bagi  
keretapi  
Akta 34/60.

(2) Prosiding-prosiding di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 hendaklah diambil secara berasingan berkenaan dengan setiap tanah yang ditunjukkan di atas pelan-pelan dan keratan-keratan serta disebutkan dalam buku rujukan itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang pengambilan tanah-tanah bagi maksud pembinaan suatu keretapi melalui perjanjian antara syarikat keretapi dan tuan punya tanah-tanah sedemikian.

#### BAHAGIAN IV

##### PEMBINAAN DAN KERJA-KERJA

Kuasa syarikat keretapi untuk melaksanakan segala kerja yang perlu.

**11.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, bilamasa perlu untuk berbuat demikian, syarikat keretapi boleh, bagi maksud membina keretapi atau kemudahan atau kerja-kerja lain yang berkaitan dengannya—

- (a) membuat atau membina di, pada, merintang, di bawah atau di atas mana-mana tanah atau sungai, apa-apa kerja atau struktur sementara, termasuklah jalan, jambatan, rel, jalan lalu, konduit dan parit, sebagaimana yang difikirkan patut oleh syarikat keretapi itu; dan
- (b) mengubah secara sementara haluan mana-mana jalan, lebuhraya atau jalan lalu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh syarikat keretapi itu.

(2) Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), syarikat keretapi itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

(3) Suatu syarikat keretapi hendaklah, sebelum menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), memberi notis kepada tuan punya atau penduduk tanah itu mengenai niatnya untuk memasuki tanah itu.

(4) Notis yang disebutkan dalam subseksyen (3) hendaklah menyatakan dengan selengkap dan setepatnya yang mungkin jenis dan takat tindakan-tindakan yang diniatkan hendak dilakukan.

(5) Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan bentuk notis yang disebutkan dalam subseksyen (3) dan cara bagaimana notis itu boleh disampaikan ke atas tuan punya atau penduduk tanah.

12. (1) Ketua Pengarah boleh, dalam hal apa-apa kemalangan yang berlaku atau yang dibimbangkan akan berlaku pada apa-apa tarahan, benteng atau kerja lain yang di bawah kawalan suatu syarikat keretapi, membenarkan syarikat keretapi itu memasuki mana-mana tanah yang berdampingan dengan keretapinya bagi maksud menjalankan pembaikan atau mencegah suatu kemalangan dan untuk melakukan segala kerja yang perlu bagi maksud itu.

Kuasa-kuasa dalam hal kemalangan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), syarikat keretapi boleh, dalam hal peri mustahak, memasuki mana-mana tanah bagi maksud menjalankan pembaikan atau mencegah suatu kemalangan tanpa mendapat kebenaran terdahulu Ketua Pengarah, tetapi dalam hal sedemikian syarikat keretapi itu hendaklah, dalam masa dua puluh empat jam selepas kemasukan itu, membuat satu laporan kepada Ketua Pengarah, dengan menyatakan jenis kemalangan atau kemalangan yang dibimbangkan itu dan jenis kerja yang perlu dilakukan.

(3) Jika selepas menimbangkan laporan itu Ketua Pengarah berpendapat bahawa tidak terdapat bahaya atau bahaya yang dibimbangkan kepada orang awam, syarikat keretapi itu hendaklah dengan serta-merta memberhentikan kerja di atas tanah-tanah itu.

13. (1) Pada menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 11 dan 12, syarikat keretapi hendaklah melakukan seberapa sedikit kerosakan yang mungkin pada tanah-tanah itu dan pampasan mencukupi hendaklah dibayar bagi apa-apa kerosakan yang diakibatkan oleh penjalanan kuasa-kuasa itu.

Pembayaran pampasan.

(2) Mana-mana orang yang menuntut pampasan daripada suatu syarikat keretapi bolehlah menyerahkan tuntutan kepada Pentadbir yang hendaklah mengemukakan tuntutan itu kepada syarikat keretapi itu.

(3) Jika terdapat suatu pertikaian tentang amaun pampasan, Pentadbir hendaklah menentukan amaun itu, setakat yang boleh, mengikut prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi maksud-maksud awam yang berkuatkuasa dalam Negeri yang berkenaan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menahan penyelesaian melalui perjanjian akan arnaun pampasan yang kena dibayar berkenaan dengan tanah-tanah yang rosak atau yang terjejas dengan mudaratnya oleh penjalanan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen ini.

Kerja-kerja  
kemudahan.

14. (1) Tiap-tiap syarikat keretapi hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4), membina dan menyenggarakan bagi kemudahan tuan-tuan punya dan penduduk-penduduk tanah yang berdampingan dengan mana-mana keretapi—

- (a) apa-apa dan sekian banyak lintasan, jambatan, gerbang, pemetung dan lorong lalu yang sesuai di atas, di bawah atau di sisi atau menuju ke atau dari keretapi itu, yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah perlu bagi maksud mengatasi apa-apa gangguan pada penggunaan tanah yang disebabkan oleh pembinaan suatu keretapi;
- (b) segala gerbang, terowong, pemetung, parit, alur air atau lorong lalu lain yang perlu di atas atau di bawah atau di sisi keretapi itu daripada apa-apa dimensi yang, pada pendapat Ketua Pengarah, adalah mencukupi pada setiap masa untuk membawa air dari atau ke tanah-tanah yang berdampingan atau terletak berhampiran dengan keretapi itu dengan semudahnya sebelum pembinaan keretapi itu atau dengan sehemper mudah yang boleh.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, kerja-kerja yang dinyatakan dalam perenggan (1) (a) dan (b) hendaklah dibuat semasa atau selepas sahaja pembentangan atau pembentukan keretapi itu di atas tanah-tanah yang dilaluinya, dan mengikut apa-apa cara yang akan rnenyebabkan seberapa sedikit kerosakan, kemudaratan atau kesusahan yang mungkin kepada orang yang berkepentingan terhadap tanah-tanah itu atau yang terjejas oleh kerja-kerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan jika terdapat kerosakan atau kemudaratan pada tanah-tanah itu, syarikat keretapi hendaklah membayar pampasan mencukupi kepada orang-orang yang berkepentingan terhadap tanah-tanah itu.

(3) Syarikat keretapi tidaklah dikehendaki—

- (a) untuk membuat apa-apa kerja kemudahan mengikut apa-apa cara yang akan menahan atau menghalang pengerjaan atau penggunaan sesuatu keretapi; atau
- (b) untuk membuat apa-apa kerja kemudahan yang berkenaan dengannya tuan-tuan punya dan penduduk-penduduk tanah itu telah bersetuju untuk menerima dan telah dibayar pampasan sebagai balasan kepada mereka yang tidak menghendaki kerja-kerja itu dibuat.

(4) Jika syarikat keretapi telah mengadakan lintasan yang sesuai bagi sesuatu jalan atau anak sungai, dan jalan atau anak sungai itu kemudiannya dilencongkan oleh perbuatan atau pengabaian orang yang mempunyai kawalan ke atasnya, syarikat keretapi itu tidak boleh dikehendaki mengadakan apa-apa lintasan lain bagi jalan atau anak sungai itu.

15. Jika—

- (a) seorang tuan punya atau penduduk mana-mana tanah yang berdampingan dengan suatu keretapi berpendapat bahawa kerja-kerja kemudahan yang dibuat di bawah seksyen 14 adalah tak mencukupi untuk kegunaan lega tanah itu; atau

Kerja-kerja tambahan.

- (b) mana-mana jabatan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan berhasrat untuk membina suatu jalan awam atau kerja lain merintang, di atas atau di bawah suatu keretapi,

tuan punya, penduduk, jabatan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan itu boleh, atas perbelanjaan sendiri, menyebabkan dibuat apa-apa kerja kemudahan selanjutnya yang difikirkannya perlu dan jika dipersetujui oleh syarikat keretapi itu atau, dalam hal perselisihan pendapat di antara tuan punya, penduduk, jabatan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan itu dengan syarikat keretapi, apa-apa kerja kemudahan selanjutnya sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

Pagar,  
adangan,  
get dan  
palang.

16. (1) Ketua Pengarah boleh, dalam masa yang akan dinyatakan dalam perekuisisian atau dalam apa-apa masa lanjut yang ditetapkan olehnya, menghendaki syarikat keretapi—

- (a) menyediakan atau memperbaharui, mengikut mana-mana yang berkenaan, pagar-pegar atau tanda-tanda sempadan untuk keretapinya dan mana-mana jalan yang dibina berkaitan dengannya; atau
- (b) menyediakan atau memperbaharui, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa kerja dalam bentuk adangan yang berhampiran atau berdampingan dengan sisi mana-mana jalan awam yang dibina sebelum pembuatan keretapi itu bagi maksud mencegah bahaya kepada orang awam yang menggunakan jalan itu.

(2) Mana-mana syarikat keretapi yang gagal mematuhi mana-mana perekuisisian yang dibuat di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

17. Jika sesuatu syarikat keretapi telah membina suatu landasan keretapi merintanginya suatu jalan awam yang sama ratanya, Ketua Pengarah boleh, jika ternyata kepadanya bahawa adalah perlu demi keselamatan dan kemudahan orang awam, pada bila-bila masa, menghendaki syarikat keretapi itu, dalam masa yang difikirkannya patut, untuk memindahkan jalan itu sama ada ke bawah atau ke atas landasan keretapi itu melalui suatu jambatan atau gerbang dengan pendakian dan penurunan yang mudah serta jalan masuk lain yang mudah sebagai ganti melintasi jalan yang sama ratanya itu, atau untuk melaksanakan kerja-kerja lain yang ternyata kepada Ketua Pengarah mengikut hal keadaan kes itu sebagai paling sesuai bagi menghapuskan atau mengurangkan bahaya yang berbangkit daripada lintasan rata itu dan bagi memenuhi kemudahan orang awam.

Lintasan  
rata bergredl.

18. (1) Apabila sesuatu syarikat keretapi telah membina suatu landasan keretapi merintanginya suatu jalan awam yang sama ratanya (dan lintasan itu bukanlah suatu "lintasan rata kerja" mengikut pengertian seksyen 20), syarikat itu hendaklah menyebabkan get atau sawar yang baik dan berkesan didirikan dan disenggarakan di tempat di mana landasan keretapi itu melintasi jalan itu, dan hendaklah mengambil kerja orang-orang yang layak untuk membuka dan menutup get atau sawar itu dan get atau sawar itu hendaklah ditutup terhadap jalan awam apabila stokereta melintasi jalan itu.

Lintasan  
rata jalan.

(2) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengisytiharkan bahawa subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi lintasan-lintasan yang dinyatakan dalam perisytiharan itu, dan sesudah itu syarikat keretapi itu hendaklah dilepaskan daripada obligasi-obligasi yang dikenakan oleh subseksyen (1) berkenaan dengan lintasan-lintasan tersebut.

(3) Jika apa-apa perisytiharan sedemikian telah dibuat di bawah subseksyen (2), syarikat keretapi itu hendaklah mendirikan papan-papan amaran di tepi jalan awam dan isyarat-isyarat wisel di tepi landasan keretapi itu pada jarak-jarak yang sesuai dari lintasan rata itu, dan

pemandu tiap-tiap enjin atau kenderaan bergerak lain hendaklah membunyikan wisel enjinnya atau kenderaan bergerak lain mengikut isyarat-isyarat itu sebelum enjin atau kenderaan bergerak lain itu melintasi jalan awam itu.

(4) Syarikat keretapi itu tidaklah bertanggung bagi apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana orang atau harta oleh laluan apa-apa enjin, kenderaan bergerak lain atau apa-apa stokereta lain yang terpasang padanya yang melintasi jalan awam itu di mana-mana lintasan yang dinyatakan dalam perisytiharan di bawah subseksyen (2) melainkan jika dibuktikan bahawa pemandu enjin, kenderaan bergerak atau stokereta itu tidak membunyikan wisel enjin, kenderaan bergerak atau stokeretanya mengikut isyarat-isyarat itu.

(5) Jika sesuatu jabatan Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain membina jalan awam merintang landasan keretapi yang sedia ada, maka jabatan Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain yang dipertanggung dengan tanggungjawab bagi penyenggaraan jalan sedemikian hendaklah bertanggung membayar kepada syarikat keretapi itu kos pembinaan apa-apa get atau sawar yang didirikan oleh syarikat itu di tempat di mana jalan itu melintasi landasan keretapi itu dan sewa tahunan bagi penyenggaraannya.

Lintasan  
rata suwa.

19. (1) Sesuatu syarikat keretapi boleh, menurut budi bicaranya, atas permintaan yang dibuat oleh mana-mana orang, membina dan membuka lintasan-lintasan rata suwa di mana-mana tempat di atas landasan keretapi, dan boleh mengenakan syarat-syarat berkenaan dengan penggunaannya.

(2) Kos pembinaan suatu lintasan rata suwa dan sewa tahunan bagi penyenggaraannya hendaklah dibayar oleh orang yang baginya lintasan itu telah dibina.

(3) Syarikat keretapi itu boleh, sekiranya orang yang baginya lintasan itu dibina gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, atau jika adalah suaimanfaat untuk berbuat demikian demi kepentingan keretapi itu, menutup mana-mana lintasan rata suwa.

**20.** (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana jalan atau jalan kecil yang dilintasi oleh sesuatu landasan keretapi sebagai suatu "lintasan rata kerja".

Lintasan  
rata kerja.

(2) Apabila perisytiharan sedemikian telah dibuat, syarikat keretapi hendaklah menyediakan, di lintasan rata kerja itu, get atau sawar merintang jalan atau jalan kecil itu, yang tidak boleh ditutup merintang landasan keretapi itu, dan yang hendaklah dikunci apabila tidak digunakan. Kunci bagi get atau sawar itu hendaklah disimpan oleh seorang pegawai keretapi.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pendua bagi kunci get atau sawar bagi mana-mana lintasan rata kerja boleh diamanahkan oleh syarikat keretapi kepada mana-mana orang yang kerap kali menggunakan lintasan rata kerja sedemikian dan kunci itu hendaklah dipegangsimpan dan digunakan oleh orang itu selama apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh syarikat keretapi.

(4) Syarikat keretapi boleh, dari semasa ke semasa, menentukan waktu-waktu yang sesuai bagi pembukaan get dan sawar mana-mana lintasan rata kerja, dan get atau sawar itu hendaklah hanya dibuka oleh pegawai keretapi yang menyimpan kunci get atau sawar itu pada masa-masa yang telah ditentukan oleh syarikat keretapi.

(5) Mana-mana orang, yang bukanlah seorang yang kunci get atau sawar diamanahkan kepadanya di bawah subseksyen (3), yang berniat untuk menggunakan sesuatu lintasan rata kerja di luar waktu yang ditentukan di bawah subseksyen (4), hendaklah memberi pegawai keretapi yang menyimpan kunci get dan sawar itu, notis mengenai niatnya untuk berbuat demikian.

Pembuangan  
pokok-pokok  
yang mer-  
bahaya kepada  
atau yang  
menghalang  
pengerjaan  
sesuatu  
keretapi.

21. (1) Jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa pada bila-bila masa terdapat bahaya atau bahaya yang disyaki bahawa mana-mana pokok (yang istilahnya dalam seksyen ini termasuk tumbuh-tumbuhan yang kecil dan rendah) yang terdapat di atas tanah selain daripada tanah keretapi mungkin terjatuh ke atas sesuatu keretapi, atau di atas laluan mana-mana telegraf, telefon, isyarat, lampu elektrik atau wayar kuasa elektrik yang pengerjaannya dikawal keseluruhannya atau sebahagiannya oleh suatu syarikat keretapi atau mungkin menghalang, mengganggu, atau menyebabkan kerosakan kepada pembinaan atau pengerjaan sepatutnya sesuatu keretapi atau mana-mana telegraf, telefon, isyarat, lampu elektrik atau wayar kuasa elektrik itu atau kepada mana-mana tiang, struktur atau kelekapan lain yang menopangkannya atau yang bersangkutan dengannya, maka syarikat keretapi boleh menyebabkan pokok itu ditebang atau diperlakukan mengikut apa-apa cara lain, yang pada pendapat Ketua Pengarah, akan menghindarkan bahaya itu atau menghapuskan halangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika sesuatu pokok menghalang atau mengganggu mana-mana isyarat terpasang, syarikat keretapi boleh menyebabkan pokok itu ditebang atau diperlakukan mengikut apa-apa cara lain yang akan menghapuskan halangan atau gangguan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Apabila pokok yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan (2) telah wujud sebelum keretapi itu dibina, atau sebelum telegraf, telefon, isyarat, lampu elektrik atau wayar kuasa elektrik itu dibentangkan, atau sebelum tiang, struktur atau kelekapan itu didirikan atau dipasang, atau sebelum isyarat itu dipasang, pampasan mencukupi hendaklah dibayar oleh syarikat keretapi itu kepada tuan punya atau penduduk tanah di mana pokok itu terletak.

22. (1) Tuan punya atau penduduk mana-mana tanah hendaklah, sebelum menebang atau menebas mana-mana pokok atau hutan yang bersempadanan dengan suatu keretapi, terlebih dahulu memberi notis bertulis tujuh hari kepada syarikat keretapi itu mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk melindungi keretapi itu atau mana-mana telegraf atau telefon yang didirikan di atasnya.

Notis mengenai penebangan atau penebasan pokok-pokok atau hutan yang bersempadanan dengan keretapi.

(2) Jika apa-apa kerosakan disebabkan pada keretapi atau pada mana-mana telegraf atau telefon yang didirikan di atasnya, syarikat keretapi boleh, jika tidak terdapat persetujuan, mendapatkan pampasan daripada tuan punya atau penduduk tanah itu melalui tindakan undang-undang.

## BAHAGIAN V

### PELESENAN SYARIKAT KERETAPI DAN PEMBUKAAN KERETAPI

23. (1) Kecuali menurut suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 80, tiada seorang pun boleh mengendalikan mana-mana keretapi kecuali di bawah suatu lesen yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah seksyen ini.

Lesen untuk mengendalikan sesuatu keretapi.

(2) Apa-apa permohonan bagi pemberian lesen di bawah seksyen ini hendaklah dibuat secara bertulis, dan hendaklah mengandungi, atau disertai dengan, apa-apa maklumat dan dokumen sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apabila menerima suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (2), Menteri boleh—

- (a) meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan lesen kepada pemohon atas pembayaran apa-apa fee yang difikirkannya patut; atau
- (b) menolak permohonan itu.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), jika suatu skim keretapi telah diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen 8 (7), syarikat keretapi yang mengemukakan skim keretapi itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa syarat atau kehendak yang dikenakan oleh Menteri atas kelulusan itu, disifatkan sebagai seorang pemohon yang berkeelayakan dan sesuai bagi maksud mengendalikan keretapi yang diluluskan di bawah skim keretapi itu dan Menteri hendaklah, atas permohonan syarikat keretapi itu di bawah subseksyen (2), meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan suatu lesen kepada syarikat keretapi itu atas pembayaran apa-apa fee sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) atau (4) hendaklah menyatakan jangkamasa lesen itu dan hendaklah selanjutnya menetapkan—

- (a) jenis sistem dan perkhidmatan keretapi yang akan dikendalikan oleh sesuatu syarikat keretapi;
- (b) fee lesen tahunan yang kena dibayar oleh sesuatu syarikat keretapi;
- (c) kewajipan-kewajipan khusus sesuatu syarikat keretapi berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan keretapi yang dikendalikan atau kemudahan-kemudahan yang disediakan olehnya; dan
- (d) apa-apa perkara atau syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(6) Pengeluaran suatu lesen kepada sesuatu syarikat keretapi oleh Menteri di bawah subseksyen (3) atau (4) tidak akan mengenakan apa-apa tanggungan ke atas Kerajaan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, peninggalan atau kemungkiran syarikat itu.

24. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sesuatu syarikat keretapi hendaklah, sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh yang dimaksudkan bagi pembukaan sesuatu keretapi, memberi Ketua Pengarah notis bertulis mengenai niatnya untuk membuka keretapi itu.

Notis mengenai pembukaan yang dimaksudkan mengenai sesuatu keretapi.

(2) Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut atau atas permohonan sesuatu syarikat keretapi, mengurangkan tempoh atau mengetepikan notis yang disebutkan dalam subseksyen (1).

25. (1) Tiada keretapi boleh dibuka tanpa kelulusan Menteri.

Menteri hendaklah meluluskan pembukaan keretapi.

(2) Menteri hendaklah memberikan kelulusannya bagi pembukaan suatu keretapi hanya setelah dia menerima suatu laporan bertulis daripada jurutera yang dilantik oleh Ketua Pengarah bahawa—

- (a) dia telah membuat pemeriksaan cermat akan keretapi itu;
- (b) berat rel, kekuatan jambatan, sifat struktur am kerja-kerja, dan saiz serta muatan kasar maksimum di atas gandar mana-mana stokereta adalah seperti yang telah ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; dan
- (c) pada pendapatnya pembukaan keretapi itu tidak akan menyebabkan apa-apa bahaya kepada penumpang-penumpang atau apa-apa kerosakan kepada barang-barang yang dibawa di atasnya.

(3) Seksyen ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis*—

- (a) bagi apa-apa kerja tambahan yang menjadi sebahagian daripada atau berkaitan secara langsung dengan keretapi yang telah dibina selepas pemeriksaan yang mendahului pembukaan pertama keretapi itu; dan
- (b) bagi apa-apa pembinaan semula yang menyentuh secara material sifat struktur mana-mana keretapi.

Pemeriksaan. **26.** Selepas sesuatu keretapi telah dibuka, keretapi itu hendaklah diperiksa oleh seorang jurutera, yang hendaklah dilantik oleh Ketua Pengarah, mengikut apa-apa cara dan pada apa-apa lat tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa untuk menutup keretapi apabila telah dibuka.

**27.** (1) Jika selepas pemeriksaan sesuatu keretapi jurutera berpendapat bahawa penggunaan keretapi itu akan menyebabkan bahaya kepada orang awam atau kerosakan kepada barang-barang yang dibawa di atasnya, dia hendaklah memberitahu Ketua Pengarah mengenai pendapatnya itu berserta dengan alasan-alasan baginya.

(2) Ketua Pengarah boleh sesudah itu memerintahkan keretapi itu ditutup, atau dalam hal sesuatu stokereta, memerintahkan supaya penggunaan stokereta itu diberhentikan atau supaya keretapi itu digunakan hanya atas apa-apa syarat sebagaimana yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah bagi keselamatan orang awam atau barang-barang yang dibawa di atasnya.

Pembukaan semula keretapi selepas penutupan.

**28.** (1) Sesuatu keretapi yang telah diperintahkan supaya ditutup tidak boleh dibuka sehinggalah ia telah diperiksa oleh seorang jurutera yang dilantik oleh Ketua Pengarah dan pembukaan semula telah diluluskan oleh Menteri.

(2) Stokereta yang telah diperintahkan supaya diberhentikan penggunaannya di bawah seksyen 27 tidak boleh digunakan sehinggalah ia telah diperakukan sebagai sesuai untuk digunakan oleh seorang jurutera yang dilantik oleh Ketua Pengarah selepas pemeriksaan dan Ketua Pengarah telah meluluskan penggunaannya.

Pembukaan semula landasan selepas penggantungan sementara.

**29.** Apabila suatu kemalangan telah berlaku, yang mengakibatkan penggantungan sementara trafik, dan landasan dan kerja-kerja asal telah dipulihkan dengan cepat kepada standard asalnya atau suatu pelencongan sementara telah dibentangkan bagi maksud memulihkan perhubungan, maka landasan dan kerja-kerja asal yang

dipulihkan sedemikian boleh dibuka semula atau pelencongan sementara itu dibuka, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa pegawai keretapi yang menjaga kerja-kerja yang diusahakan disebabkan oleh kemalangan itu telah memperakui secara bertulis bahawa pembukaan semula landasan dan kerja-kerja yang dipulihkan itu atau pembukaan pelencongan sementara itu tidak akan, pada pendapatnya, menyebabkan apa-apa bahaya kepada orang awam atau apa-apa kerosakan kepada barang-barang yang dibawa di atasnya; dan
- (b) bahawa notis bertulis mengenai pembukaan semula landasan dan kerja-kerja itu atau pembukaan pelencongan itu hendaklah telah dihantar kepada Ketua Pengarah.

30. Mana-mana syarikat keretapi yang bertindak melanggar dengan Bahagian ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

Penalti  
am  
kerana  
kegagalan  
mematuhi  
Bahagian V

## BAHAGIAN VI

### KEWAJIPAN-KEWAJIPAN SYARIKAT KERETAPI

31. Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap syarikat keretapi—

Kewajipan-  
kewajipan  
syarikat  
keretapi.

- (a) untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan keretapi yang dinyatakan dalam lesennya pada takat yang perlu bagi syarikat keretapi itu memenuhi apa-apa standard prestasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini; dan

- (b) untuk memajukan dan menyenggarakan suatu sistem keretapi yang cekap.

Standard prestasi.

32. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui peraturan-peraturan, menetapkan apa-apa standard prestasi berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan keretapi yang, pada pendapatnya, patut dicapai oleh sesuatu syarikat keretapi.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen itu boleh—

- (a) membuat peruntukan-peruntukan mengenai prosedur-prosedur yang hendak diikuti bagi menguatkuasakan standard-standard yang ditetapkan; dan
- (b) menetapkan hal-hal keadaan di mana sesuatu syarikat keretapi boleh dikecualikan daripada kehendak-kehendak peraturan-peraturan itu.

Pengemukaan laporan, akaun, dsb.

33. (1) Dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan sesuatu syarikat keretapi atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, pengarah-pengarah syarikat keretapi itu hendaklah menghantARSERAH kepada Ketua Pengarah—

- (a) suatu laporan mengenai kendalian syarikat keretapi itu dalam tahun kewangan itu yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang perlu untuk membolehkan Ketua Pengarah mentaksirkan syarikat keretapi itu; dan
- (b) kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian tahunan terauditnya, berserta dengan apa-apa notis mengenainya, dan laporan-laporan juruaudit dan pengarah-pengarahnya.

(2) Laporan yang dikehendaki oleh perenggan (1)(a) hendaklah dalam bentuk yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

34. Ketua Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, menghendaki sesuatu syarikat keretapi mengemukakan kepadanya—

Pengemukakan maklumat.

- (a) apa-apa maklumat statistik berhubung dengan operasi syarikat keretapi itu;
- (b) ramalan mengenai penumpang-penumpang atau barang-barangnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selama apa-apa tempoh dan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) pelan-pelan kemajuan masa hadapan yang berhubung dengan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan yang perlu disediakan oleh syarikat itu di bawah syarat-syarat lesen.

35. (1) Ketua Pengarah boleh menghendaki sesuatu syarikat keretapi mengemukakan apa-apa maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu berkenaan dengan apa-apa laporan, akaun atau maklumat yang dikemukakan oleh syarikat itu di bawah seksyen 33 atau 34 dan maklumat itu hendaklah dikemukakan dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah,

Pengemukakan maklumat lanjut.

(2) Sesuatu syarikat keretapi yang gagal mematuhi seksyen ini atau seksyen 33 atau 34 hendaklah membayar kepada Kerajaan suatu jumlah wang sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari yang keingkaran itu berterusan selepas hari yang ketiga puluh dari tarikh syarikat itu dikehendaki mengemukakan laporan atau maklumat itu.

36. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap syarikat keretapi, pada setiap masa, untuk memberitahu Ketua Pengarah dengan serta-merta mengenai perkara-perkara yang berikut:

Ketua Pengarah hendaklah diberitahu mengenai apa-apa pertukaran dalam kawalan syarikat, dsb.

- (a) apa-apa pertukaran dalam kawalan syarikat keretapi itu;

- (b) apa-apa pertikaian perindustrian di antara syarikat keretapi itu dengan pekerja-pekerjanya;
- (c) apa-apa kejadian kebakaran dalam premisnya;
- (d) apa-apa presiding atau tuntutan yang dimulakan atau yang dibuat terhadap syarikat keretapi itu yang mungkin mempunyai kesan yang memudaratkan ke atas keadaan kewangannya atau ke atas keupayaannya untuk melaksanakan apa-apa syarat di bawah lesen.

(2) Bagi maksud-maksud perenggan (1) (a), ungkapan "kawalan", berhubungan dengan sesuatu syarikat keretapi, ertinya mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengarahkan pengurusan dan polisi syarikat keretapi itu.

(3) Sesuatu syarikat keretapi yang gagal mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

## BAHAGIAN VII

### KUASA-KUASA SYARIKAT KERETAPI

Jadual waktu dan senarai tambang hendaklah ditampalkan di stesen-stesen.

37. Tiap-tiap syarikat keretapi hendaklah menyimpan, di tiap-tiap stesen keretapi, suatu salinan jadual waktu yang sedang berkuatkuasa atas keretapi itu dan suatu senarai tambang am yang dikenakan bagi perjalanan dari stesen di mana senarai itu ditampal ke tiap-tiap tempat yang baginya tiket-tiket biasanya dikeluarkan kepada penumpang-penumpang di stesen itu, dan hendaklah membenarkan semua orang memeriksanya dengan percuma pada setiap waktu yang munasabah.

Tambang-tambang hendaklah dibayar terlebih dahulu dan tiket-tiket penumpang hendaklah diserahkan apabila diminta.

38. (1) Tiada seorang pun boleh membuat perjalanan dengan keretapi tanpa terlebih dahulu membayar tambangnya dan mendapatkan suatu tiket.

(2) Tiap-tiap orang yang berniat membuat perjalanan dengan keretapi hendaklah, selepas membayar tambangnya, diberikan suatu tiket yang menyatakan kelas koc atau penginapan, dan stesen atau tempat dari mana, serta stesen atau tempat ke mana, yang baginya tambang itu telah dibayar, dan hendaklah, apabila dikehendaki berbuat demikian, menunjukkan tiketnya kepada mana-mana pegawai keretapi yang diberikuasa sewajarnya untuk memeriksa tiket itu, dan hendaklah menyerahkan tiket itu apabila diminta kepada mana-mana pegawai keretapi yang diberikuasa sewajarnya untuk memungut tiket.

(3) Mana-mana orang yang membuat perjalanan tanpa tiket atau yang tidak mengemukakan atau menyerahkan tiketnya seperti yang disebut terdahulu hendaklah bertanggungjawab membayar kepada syarikat keretapi itu—

- (a) tambang bagi jarak perjalanan yang telah dibuat atau, jika terdapat apa-apa keraguan tentang stesen atau tempat dari mana dia bermula, tambang dari stesen atau tempat dari mana keretapi itu mula-mula bertolak; dan
- (b) suatu caj khas sebagaimana yang ditetapkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Tambang dan caj khas sedemikian hendaklah dibayar apabila diminta kepada mana-mana pegawai keretapi yang diberikuasa sewajarnya untuk memungut tiket, dan jika tidak dibayar sedemikian, bayarannya bolehlah didapatkan kembali oleh syarikat keretapi itu melalui tindakan undang-undang.

39. (1) Jika, atas permintaan yang dibuat oleh atau bagi pihak suatu syarikat keretapi, mana-mana orang gagal membayar apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada atau yang boleh didapatkan kembali oleh syarikat keretapi daripadanya berkenaan dengan apa-apa barang, sama ada jumlah wang itu kena dibayar bagi pembawaan, pengendalian, penyimpanan, demuraj atau caj lain, atau sebagai pembayaran semula apa-apa jumlah wang yang dibelanjakan oleh syarikat keretapi itu atau apa-apa

Lien bagi  
tambang,  
kadar dan  
caj lain.

jumlah wang lain walau bagaimana sekalipun ia terbangkit, maka syarikat keretapi itu boleh menahan keseluruhan atau mana-mana barang itu atau, jika barang-barang itu telah dialihkan dari premis keretapi itu, apa-apa barang lain kepunyaan orang itu yang ketika itu berada atau yang selepas itu berada dalam milikan syarikat keretapi itu.

(2) Apabila apa-apa barang telah ditahan di bawah subseksyen (1) syarikat keretapi itu boleh—

- (a) dalam hal barang-barang mudah musnah, menjualkannya dengan serta-merta melalui lelong awam atau perjanjian persendirian sebagaimana yang difikirkannya suaimanfaat; dan
- (b) dalam hal barang-barang lain, menjual melalui lelong awam, apabila habis tempoh notis sekurang-kurangnya empat belas hari mengenai lelong yang diniatkan itu yang disiarkan dalam satu atau lebih akhbar tempatan, apa-apa kuantiti barang yang memadai untuk mendapatkan semula jumlah wang yang kena dibayar kepada atau yang boleh didapatkan kembali oleh syarikat keretapi itu berserta dengan segala perbelanjaan bagi penahanan, notis dan jualan sedemikian, termasuklah, dalam hal haiwan, perbelanjaan bagi memberi makan, memberi minuman dan menjaganya.

(3) Syarikat keretapi boleh, daripada hasil jualan itu, memegangsimpan amaun jumlah wang dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada atau yang boleh didapatkan kembali oleh syarikat keretapi itu, dengan memberikan lebihan hasil jualan itu, jika ada, dan apa-apa barang yang masih tak terjual kepada orang yang berhak kepadanya.

(4) Jika orang yang berhak kepada barang-barang itu gagal mengalihkan mana-mana barang yang masih tak terjual dari premis keretapi itu, dalam sesuatu masa yang munasabah, syarikat keretapi itu boleh menjual

keseluruhan barang-barang itu dan hendaklah, selepas memotong perbelanjaan penahanan dan penjualan lanjut barang-barang itu, memberikan lebih hasil jualan itu kepada orang yang berhak kepadanya.

(5) Orang yang berhak mengalihkan barang-barang itu tidak boleh berbuat demikian melainkan jika dia member! syarikat keretapi itu sejumlah wang yang sama dengan kos, caj dan perbelanjaan penahanan lanjut barang-barang itu dari tarikh penjualan di bawah subseksyen (2) sehinggalah tarikh pengalihan barang-barang itu.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini, syarikat keretapi itu boleh mendapatkan kembali apa-apa jumlah wang yang disebutkan dalam subseksyen (1) melalui guaman atau tindakan.

**40.** (1) Apabila apa-apa barang telah berada dalam milikan sesuatu syarikat keretapi untuk pengangkutan atau selainnya, dan tidak dituntut oleh pemunya atau orang lain yang ternyata kepada syarikat keretapi itu sebagai berhak kepadanya, syarikat keretapi itu hendaklah, jika pemunya atau orang itu dikenali, menyebabkan suatu notis disampaikan kepada pemunya atau orang itu yang menghendaknya supaya mengalihkan barang-barang itu.

Pelupusan  
barang-barang  
tak dituntut.

(2) Jika pemunya atau orang itu tidak dikenali, atau notis itu tidak boleh disampaikan kepadanya, atau jika dia tidak mematuhi notis itu, syarikat keretapi itu boleh, selepas masa yang munasabah, menjual barang-barang itu dengan seberapa hampir yang boleh mengikut seksyen 39 dan memberikan lebih hasil jualan itu, jika ada, kepada mana-mana orang yang berhak kepadanya.

**41.** (1) Pemunya atau orang yang menjaga mana-mana barang yang dihantarserah kepada suatu syarikat keretapi bagi maksud pengangkutan, dan konsaini mana-mana barang yang telah diangkut itu, hendaklah, atas permintaan mana-mana pegawai keretapi yang diberikuasa bagi maksud itu oleh syarikat keretapi, menghantarserah kepada pegawai itu suatu akuan

Perekuisisian  
bagi akuan  
bertulis  
mengenai  
perihal  
barang-  
barang.

bertulis yang ditandatangani oleh pemunya atau orang itu, atau oleh konsaini itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mengandungi suatu perihalan barang-barang sebagaimana yang memadai untuk menentukan kadar caj yang berhak dikenakan oleh syarikat keretapi itu berkenaan dengannya.

(2) Jika pemunya, orang, atau konsaini itu enggan atau abai memberikan suatu akuan sedemikian atau enggan membuka bungkusan yang mengandungi barang-barang itu supaya perihalnya boleh ditentukan, syarikat keretapi itu boleh—

- (a) dikenakan dengan barang-barang yang telah dibawa bagi maksud pengangkutan, enggan membawa barang-barang itu melainkan jika suatu kadar dibayar berkenaan dengannya yang tidak melebihi kadar tertinggi yang berkuatkuasa pada masa itu di atas keretapi bagi apa-apa kelas barang; atau
- (b) dikenakan dengan barang-barang yang telah diangkut, mengenakan suatu kadar yang tidak melebihi kadar tertinggi itu.

(3) Jika suatu akuan yang dihantarserah di bawah subseksyen (1) adalah pada materialnya palsu berkenaan dengan perihalan mana-mana barang yang dikatakan dimaksudkan olehnya, dan yang telah diangkut, maka syarikat keretapi itu boleh mengenakan, berkenaan dengan pengangkutan barang-barang itu, suatu kadar yang tidak melebihi dua kali ganda kadar tertinggi yang berkuatkuasa pada masa itu di atas keretapi bagi apa-apa kelas barang.

(4) Jika apa-apa perselisihan berbangkit di antara seorang pegawai keretapi dengan pemunya atau orang yang menjaga, atau konsaini, mana-mana barang yang telah dihantarserah untuk pengangkutan, atau yang telah diangkut, berkenaan dengan perihalan barang-barang yang menjadi subjek suatu akuan di bawah seksyen ini, pegawai keretapi itu boleh menahan dan memeriksa barang-barang itu.

(5) Jika ternyata daripada pemeriksaan itu bahawa perihalan barang-barang itu adalah berbeza daripada apa yang dinyatakan dalam akuan yang dihantarserah di bawah subseksyen (1), orang yang menghantarserah akuan itu, jika orang itu bukan pemunya barang-barang itu, maka orang itu dan pemunya barang-barang itu secara bersesama dan berasingan, adalah bertanggungjawab membayar kepada syarikat keretapi itu kos penahanan dan pemeriksaan barang-barang itu, dan syarikat keretapi itu hendaklah dilepaskan daripada segala tanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang mungkin telah disebabkan oleh penahanan atau pemeriksaan barang-barang itu.

(6) Jika ternyata bahawa perihalan barang-barang itu tidak berbeza daripada apa yang dinyatakan dalam akuan yang dihantarserah di bawah subseksyen (1), syarikat keretapi itu hendaklah membayar kos penahanan dan pemeriksaan itu, dan hendaklah bertanggungjawab kepada pemunya barang-barang itu atas apa-apa kerugian seperti yang disebut terdahulu.

(7) Mana-mana orang yang terjejas secara mudarat oleh peruntukan-peruntukan subseksyen (3) atau (5) boleh, melainkan jika dia telah terdahulu mengakui liabilitinya, dalam masa tujuh hari dari pembuatan suatu tuntutan oleh atau bagi pihak syarikat keretapi itu di bawah mana-mana subseksyen yang terdahulu, menghendaki, melalui notis bertulis, syarikat keretapi itu supaya mendapatkan tuntutan itu melalui guaman atau tindakan, dan sehingga penamatan guaman atau tindakan itu, hak syarikat keretapi untuk mendapat tuntutan itu melalui penjualan dan penahanan hasilnya mengikut cara yang ditetapkan di bawah seksyen ini adalah tergantung.

42. (1) Tiada seorang pun boleh membawa atau menyebabkan dibawa ke atas keretapi atau menghendaki sesuatu syarikat keretapi mengangkut atau memegang apa-apa barang merbahaya atau memudaratkan di atas keretapi kecuali mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Barang-barang  
merbahaya atau  
memudaratkan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini atau dalam mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berhubungan dengan pemilikan atau pengangkutan barang-barang merbahaya atau memudaratkan.

Kemudahan trafik.

**43.** Tiap-tiap syarikat keretapi hendaklah mengadakan segala kemudahan munasabah bagi menerima, menghantar, dan menghantarserah trafik di atas keretapi.

Syarikat keretapi bukan suatu peangkutan am.

**44.** Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis yang lain, suatu syarikat keretapi tidak boleh disifatkan sebagai suatu pengangkut am atau tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pengangkut-pengangkut am.

## BAHAGIAN VIII

### KEMALANGAN

Notis mengenai kemalangan hendaklah diberi.

**45.** (1) Bilamasa suatu kemalangan berlaku di atas suatu keretapi—

- (a) pegawai keretapi yang menjaga stesen yang paling hampir dengan tempat di mana kemalangan itu berlaku hendaklah, tanpa kelengahan yang tak perlu tetapi dalam apa-apa hal tidak lewat daripada dua puluh empat jam selepas kemalangan itu berlaku, memberi notis mengenai kemalangan itu secara bertulis atau melalui apa-apa bentuk telekomunikasi kepada pegawai yang menjaga balai polis yang paling hampir; dan
- (b) syarikat keretapi hendaklah, tanpa kelengahan yang tak perlu tetapi dalam apa-apa hal tidak lewat daripada dua puluh empat jam selepas kemalangan itu berlaku, menghantar notis bertulis mengenai kemalangan itu kepada Ketua Pengarah.

(2) Notis itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan ringkas mengenai jenis kemalangan itu dan mengenai takat kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh kemalangan itu.

46. (1) Syarikat keretapi hendaklah, dengan seberapa Siasatan. segera yang mungkin selepas berlakunya suatu kemalangan, menyebabkan suatu siasatan dibuat oleh suatu jawatankuasa pegawai-pegawai keretapi bagi menyiasat sebab-sebab kemalangan itu tetapi dalam kes di mana tidak terdapat keraguan munasabah mengenai sebab kemalangan itu atau syarikat keretapi itu menerinya segala tanggungjawab, adalah tidak perlu untuk mengadakan siasatan sedemikian.

(2) Syarikat keretapi hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu laporan mengenai kemalangan itu dan laporan itu hendaklah menyatakan tindakan yang akan diambil oleh syarikat itu berkenaan dengan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab bagi kemalangan itu atau bagi penyemakan kaedah-kaedah atau sistem bekerja dan, jika suatu siasatan telah diadakan di bawah subseksyen (1), suatu laporan mengenai siasatan itu.

(3) Ketua Pengarah boleh, jika dia tidak berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan kepadanya di bawah subseksyen (2), dan dengan kelulusan Menteri, membentuk suatu jawatankuasa penyiasatan untuk menyiasat sebab kemalangan itu.

(4) Bagi maksud-maksud siasatan sedemikian, jawatankuasa penyiasatan itu boleh memanggil mana-mana orang supaya menghadiri apa-apa mesyuarat jawatankuasa tersebut untuk memberi keterangan atas sumpah atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya dan untuk memeriksanya sebagai seorang saksi atau menghendakinya supaya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya berhubungan dengan perkara-perkara yang menjadi hal perkara siasatan sedemikian.

(5) Mana-mana orang yang, di bawah subseksyen (4)—

- (a) setelah dipanggil menghadiri mana-mana siasatan sedemikian, gagal berbuat demikian;
- (b) menunjukkan apa-apa perbuatan tak hormat atau apa-apa penghinaan atau ancaman kepada jawatankuasa itu atau mana-mana anggotanya semasa sesuatu siasatan; atau
- (c) setelah dikehendaki oleh jawatankuasa itu supaya memberi keterangan atas sumpah atau supaya mengemukakan suatu dokumen atau benda lain, enggan berbuat demikian atau memberikan keterangan palsu atau mengemukakan dokumen atau apa-apa benda lain yang diketahuinya adalah palsu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(6) Jawatankuasa penyiasatan itu hendaklah, apabila selesainya siasatan itu, mengemukakan laporannya kepada Ketua Pengarah dan laporan itu hendaklah menyatakan pendapat jawatankuasa itu tentang sebab kemalangan itu dan butir-butir lengkap kes itu.

Menteri  
boleh memerintahkan  
siasatan.

47. (1) Menteri boleh memerintahkan supaya suatu siasatan ke atas sebab apa-apa kemalangan di atas keretapi dibuat oleh mana-mana orang yang ditetapkan dalam perintah itu.

(2) Mana-mana orang yang dilantik sedemikian hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan, bagi maksud-maksud siasatan itu, segala kuasa statutori dan kuasa-kuasa lain sebagaimana yang sedang terletak pada dan boleh dijalankan oleh seorang majistret bagi memanggil dan menguatkuasakan kehadiran saksi, bagi mentadbirkan sumpah atau ikrar kepada saksi itu dan bagi memaksa saksi itu menjawab semua soalan yang munasabah dan berpatutan berhubungan dengan perkara-perkara yang menjadi subjek siasatan itu.

(3) Orang yang mengadakan siasatan sedemikian hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu salinan presiding itu dan melaporkan pendapatnya tentang sebab kemalangan itu berserta dengan butir-butir lengkap kes itu.

48. Bagi maksud seksyen 45, 46 dan 47, "kemalangan" erti "kemalangan".  
ertinya suatu kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa manusia atau cedera parah kepada mana-mana penumpang di atas mana-mana tren atau kepada mana-mana orang yang terlibat dalam pengerjaan keretapi atau yang melibatkan kerosakan teruk kepada harta atau suatu kemalangan dari sekian perihalan yang biasanya melibatkan kehilangan nyawa, kecederaan atau kerosakan sedemikian.

49. Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan—

- Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan notis mengenai kemalangan dsb.
- (a) bentuk-bentuk notis yang tersebut dalam seksyen 45, dan butir-butir kemalangan yang hendaklah terkandung dalam notis-notis itu;
  - (b) kelas kemalangan yang berkenaan dengannya notis hendaklah dihantar melalui apa-apa bentuk telekomunikasi selepas sahaja kemalangan itu berlaku;
  - (c) tugas-tugas pegawai keretapi atau pegawai polis apabila berlakunya sesuatu kemalangan; dan
  - (d) prosedur bagi apa-apa siasatan ke atas sesuatu kemalangan.

50. Tiap-tiap syarikat keretapi hendaklah menghantar kepada Ketua Pengarah suatu penyata mengenai kemalangan-kemalangan yang berlaku di atas keretapinya, sama ada yang melibatkan kecederaan diri ataupun tidak, dalam bentuk dan mengikut cara dan pada apa-apa lat tempoh atau masa sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Pengemukaan penyata mengenai kemalangan.

Penalti kerana kegagalan mematuhi seksyen 45.

51. (1) Mana-mana syarikat keretapi yang gagal memberi notis mengenai kemalangan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 45 hendaklah membayar kepada Kerajaan suatu jumlah wang sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari selama keingkaran itu berterusan.

(2) Mana-mana pegawai keretapi yang menjaga stesen yang tidak memberi notis mengenai kemalangan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 45 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Penalti kerana kegagalan mematuhi seksyen 50.

52. Mana-mana syarikat keretapi yang gagal mematuhi seksyen 50 hendaklah membayar kepada Kerajaan suatu jumlah wang sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari selama keingkaran itu berterusan selepas hari yang keempat belas dari tarikh yang ditetapkan bagi pengemukaan penyata itu.

Pemeriksaan perubahan wajib bagi orang yang tercedera dalam kemalangan keretapi.

53. Bilamasa mana-mana orang yang tercedera oleh sesuatu kemalangan atas keretapi menuntut pampasan oleh sebab kecederaannya itu, mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa ke atas perkara sedemikian boleh memerintahkan supaya orang yang tercedera itu diperiksa oleh seorang pengamal perubatan berkelayakan sewajarnya yang bukanlah seorang saksi bagi mana-mana pihak, dan boleh membuat perintah mengenai kos pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

## BAHAGIAN IX

### KESALAHAN DAN PENALTI

Mabuk atau pelanggaran tugas.

54. Mana-mana pegawai keretapi yang—

(a) berada dalam keadaan mabuk semasa menunaikan apa-apa tugas; atau

- (b) enggan atau abai melaksanakan tugasnya atau melaksanakan tugasnya mengikut cara yang tak wajar,

jika tugasnya adalah sedemikian sehingga keadaan mabuk, keengganan, keabaiian atau pelaksanaan tak wajar tugasnya itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkemungkinan membahayakan keselamatan mana-mana orang atau barang yang dibawa di atas keretapi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

55. Jika, berlanggaran dengan seksyen 42, mana-mana orang membawa atau menyebabkan dibawa atau didepositkan apa-apa barang merbahaya atau memudaratkan ke atas keretapi, atau memberi atau menghantarserah atau mendepositkan mana-mana barang sedemikian untuk diangkut di atas keretapi, maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Membawa barang-barang merbahaya atau memudaratkan ke atas keretapi dengan menyalahi undang-undang.

56. Mana-mana penumpang yang masuk ke dalam atau ke atas, atau cuba untuk masuk ke dalam atau ke atas, atau keluar atau cuba untuk keluar dari mana-mana koc keretapi semasa koc itu sedang bergerak, atau yang membuat perjalanan atau cuba membuat perjalanan atas atau di dalam mana-mana bahagian koc yang bukan dimaksudkan untuk kegunaan penumpang, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap kesalahan.

Memasuki atau meninggalkan koc keretapi, dsb., semasa koc sedang bergerak, atau membuat perjalanan secara luar aturan.

57. Mana-mana orang yang—

- (a) pada bila-bila masa memasuki atau meninggalkan atau cuba mernasuki atau meninggalkan mana-mana koc keretapi selain daripada melalui pintu yang disediakan bagi

Memasuki atau meninggalkan koc keretapi secara luar aturan.

maksud itu di sisi koc itu yang berhampiran dengan platform atau tempat seumpamanya yang lain yang ditetapkan oleh syarikat keretapi sebagai tempat bagi orang-orang memasuki atau meninggalkan sesuatu koc keretapi; atau

- (b) membuka mana-mana pintu luar mana-mana koc sedemikian semasa ia sedang bergerak,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Menahan kemasukan, dan memasuki serta enggan meninggalkan tren yang penuh.

58. Mana-mana penumpang yang—

- (a) menahan kemasukan sah penumpang lain ke dalam sesuatu koc keretapi atau bahagian koc keretapi yang tidak dikhaskan oleh syarikat keretapi bagi kegunaan penumpang yang menahan itu;
- (b) selepas tidak dibenarkan masuk ke dalam sesuatu tren oleh seorang pegawai keretapi, oleh sebab tren itu penuh, namun begitu berkeras untuk memasuki atau cuba memasuki tren itu; atau
- (c) setelah menaiki suatu tren di mana-mana tempat dan setelah diminta oleh seorang pegawai keretapi, oleh sebab tren itu penuh, supaya meninggalkan tren itu sebelum tren itu meninggalkan tempat itu, tidak mematuhi permintaan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan, sebagai tambahan, boleh dikeluarkan daripada keretapi itu oleh mana-mana pegawai keretapi.

Penalti kerana kelakuan tak senonoh atau sumbang atau kacau ganggu.

59. Mana-mana orang yang—

- (a) berkelakuan mengikut cara yang tak senonoh atau sumbang atau melakukan apa-apa kacau ganggu di atas sesuatu koc keretapi atau di atas mana-mana premis keretapi; atau

- (b) menyerang, menghalang atau menggalang seorang pegawai keretapi dalam melaksanakan tugasnya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya dan sebagai tambahan, pesalah itu boleh dikeluarkan oleh mana-mana pegawai keretapi daripada mana-mana koc atau premis keretapi itu dan hendaklah, jika dia seorang penumpang, dilucuthakkan tambangnya.

60. Mana-mana orang yang menggunakan secara tak wajar alat isyarat kecemasan yang disediakan oleh sesuatu syarikat keretapi dalam mana-mana koc atau di atas mana-mana tren bagi kegunaan penumpang-penumpang untuk memberhentikan sesuatu tren dalam hal kecemasan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Penalti kerana penggunaan tak wajar alat isyarat kecemasan.

61. Mana-mana orang yang mengalihkan, mencatitkan atau dengan apa-apa jua cara mengganggu mana-mana tonggak, pancang, atau tanda lain, yang diletakkan oleh atau bagi maksud-maksud sesuatu syarikat keretapi di sepanjang landasan keretapi atau berdampingan dengannya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Penalti kerana mengalihkan, dsb., tonggak, pancang atau tanda lain.

62. Mana-mana orang yang menceroboh sesuatu keretapi atau mana-mana premis keretapi adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan, jika mana-mana orang sedemikian enggan meninggalkan keretapi atau premis keretapi itu apabila diminta berbuat demikian oleh mana-mana pegawai keretapi, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, dan boleh dikeluarkan dengan serta-merta daripada keretapi atau premis keretapi.

Penalti kerana menceroboh.

Penalti kerana memandu kenderaan atau menghalau haiwan ke atas atau melintasi landasan keretapi.

**63.** Mana-mana orang yang dengan sengaja menunggang, membawa, atau memandu atau menghalau ke atas atau raelintasi landasan keretapi apa-apa kenderaan atau haiwan, kecuali apabila secara terus melintasi landasan keretapi itu di mana-mana jalan atau tempat yang ditetapkan bagi maksud itu pada masa yang dia boleh berbuat demikian dengan sah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap kesalahan.

Penalti kerana kerosakan, sama ada sengaja atau cuai.

**64.** (1) Mana-mana orang yang—

- (a) dengan sengaja atau dengan cuai merosakkan mana-mana keretapi atau mana-mana harta yang dipunyai oleh suatu syarikat keretapi;
- (b) mengalihkan pasir, batu, tanah atau apa-apa perkara atau benda lain daripada tebing, jambatan, pemetung, tembok penahan atau landasan keretapi kepunyaan suatu syarikat keretapi; atau
- (c) menebang balak mengikut cara yang berkemungkinan membahayakan keselamatan tren yang lalu atau mana-mana orang di dalam atau di atas tren itu, atau menyebabkan kerosakan kepada landasan keretapi itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang mengikat dawai bagi pagar dawai, memecahkan atau memusnahkan apa-apa pagar atau pagar hidup, atau melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa perbuatan yang merosakkan atau berkemungkinan merosakkan apa-apa pagar atau pagar hidup yang berkaitan dengan suatu keretapi adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang, dengan sengaja atau dengan cuai, melencongkan mana-mana anak sungai atau parit atau, melalui apa-apa cara, menyebabkan air mengalir ke atas keretapi atau menyebabkan kerosakan kepada sesuatu keretapi mengikut apa-apa cara melalui air, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang, yang mempunyai apa-apa kontrak untuk membekalkan batu-bata, batu kerikil, balak, bahanapi, atau apa-apa bahan lain kepada syarikat keretapi, atau yang diambil kerja berkaitan dengan pembekalan bahan itu kepada syarikat keretapi, yang dengan cuai meletakkan atau menyusun bahan tersebut mengikut cara yang tak selamat atau tak cermat, atau kurang daripada jarak yang ditetapkan dari rel-rel itu, sehinggakan keselamatan tren yang lalu atau mana-mana orang di dalam atau di atas tren itu dibahayakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**65. Jika—**

- (a) mana-mana orang membuka atau cuba membuka mana-mana get yang diletakkan di mana-mana belah landasan keretapi yang merintang sesuatu jalan, atau lalu atau cuba untuk lalu, atau memandu atau membawa atau cuba untuk memandu atau membawa, apa-apa kenderaan, haiwan atau benda lain melintasi landasan keretapi itu; atau
- (b) semasa ketiadaan seorang penjaga get, mana-mana orang tidak menutup dan menyelak dan, jika perlu, tidak mengunci sesuatu get seperti yang disebut terdahulu sebaik sahaja dia dan mana-mana kenderaan, haiwan atau benda lain yang di bawah jagaannya telah lalu menerusi get itu,

Membuka atau tidak menutup dengan betul get-get.

maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Menghalang  
atau cuba  
menghalang  
keretapi  
dengan  
niat jahat.

66. Jika mana-mana orang dengan menyalahi undang-undang—

- (a) meletakkan, melemparkan atau menyebabkan terjatuh ke arah, di atas atau merintangai sesuatu keretapi apa-apa kayu, batu atau bahan atau benda lain;
- (b) mengambil, mengalihkan, melonggarkan, atau memindahkan apa-apa rel, ranjang landas atau perkara atau benda lain yang berkaitan dengan sesuatu keretapi;
- (c) memusingkan, menggerakkan, membuka kunci atau melencongkan apa-apa tempat keretapi atau jentera lain yang berkaitan dengan sesuatu keretapi;
- (d) menggerakkan mana-mana bahagian stokereta di atas landasan keretapi atau meninggalkannya di atas mana-mana bahagian landasan keretapi;
- (e) membuat, menunjukkan, menyembunyikan atau mengalihkan apa-apa isyarat atau lampu di atas atau berhampiran dengan sesuatu keretapi; atau
- (f) melakukan atau menyebabkan dilakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan atau benda lain berhubung dengan sesuatu keretapi,

dengan niat, atau dengan mengetahui bahawa dia berkemungkinan, menghalang pengerjaan keretapi itu, atau membahayakan keselamatan mana-mana orang yang membuat perjalanan dengan, atau yang berada di atas, keretapi itu, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun.

67. Jika mana-mana orang dengan menyalahi undang-undang melemparkan atau menyebabkan terjatuh atau terketuk apa-apa kayu, batu atau bahan atau benda lain pada, ke arah, ke dalam, atau ke atas mana-mana stokereta yang membentuk sebahagian daripada suatu tren dengan niat, atau dengan mengetahui bahawa dia berkemungkinan, membahayakan keselamatan mana-mana orang yang berada di dalam atau di atas stokereta itu atau di dalam atau di atas mana-mana stokereta lain yang membentuk sebahagian daripada tren yang sama, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- Mencederakan atau cuba mencederakan dengan niat jahat orang-orang yang membuat perjalanan dengan kereta api.
68. Jika mana-mana orang yang bukan seorang pegawai keretapi, tanpa alasan yang munasabah, dengan membuat apa-apa pergerakan atau mempertunjukkan apa-apa isyarat atau selainnya, menyebabkan tren yang sedang bergerak berhenti, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.
- Penalti kerana menyebabkan tren berhenti,
69. Sesiapa jua pun yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, atau dengan sengaja meninggalkan apa-apa perbuatan yang dia terikat di sisi undang-undang untuk melakukan, berniat melalui perbuatan atau peninggalan itu untuk menyebabkan atau mengetahui bahawa dengan yang demikian dia berkemungkinan menyebabkan keselamatan mana-mana orang yang membuat perjalanan dengan atau yang berada di atas keretapi itu dibahayakan, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.
- Penalti kerana perbuatan atau peninggalan sengaja yang membahayakan penumpang.
70. Mana-mana orang yang dengan gopoh atau dengan cuai, dan tanpa alasan sah, melakukan apa-apa perbuatan yang berkemungkinan membahayakan keselamatannya sendiri atau keselamatan mana-mana orang yang
- Penalti kerana perbuatan cuai.

membuat perjalanan dengan atau yang berada di atas sesuatu keretapi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Membuat pernyataan palsu, dsb

71. Mana-mana orang yang, apabila memberikan apa-apa maklumat atau membuat apa-apa permohonan di bawah atau bagi maksud mana-mana peruntukan Akta ini, membuat apa-apa pernyataan yang diketahuinya palsu dalam suatu butir material, atau yang dengan melulu membuat apa-apa pernyataan yang palsu dalam suatu butir material, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit.

Penalti kerana pelanggaran Akta atau peraturan-peraturan yang baginya tiada penalti khas diperuntukkan.

72. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan sesuatu kesalahan dan, jika tiada penalti lain diperuntukkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Tugas-tugas di sisi undang-undang pegawai keretapi.

73. Tiap-tiap pegawai keretapi hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk melakukan segala jua yang perlu untuk atau yang berfaedah bagi keselamatan orang awam, dan tiap-tiap pegawai sedemikian adalah dilarang di sisi undang-undang daripada melakukan apa-apa perbuatan yang berkemungkinan menyebabkan bahaya.

Penangkapan pesalah-pesalah.

74. Mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh ditangkap, tanpa waran, oleh mana-mana pegawai keretapi atau oleh mana-mana pegawai polis atau oleh mana-mana orang lain yang boleh dipanggil oleh pegawai keretapi atau pegawai polis itu untuk membantunya, dan tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian hendaklah, dengan seberapa segera yang

patut, dibawa ke balai polls yang berhampiran supaya dapat diuruskan mengikut undang-undang:

Dengan syarat bahawa seorang pegawai keretapi tidak boleh melakukan apa-apa tangkapan sedemikian di luar premis keretapi.

75. (1) Apabila mana-mana orang disabitkan di hadapan suatu mahkamah yang mempunyai bidangkuasa jenayah atas suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, mahkamah itu boleh, sebagai tambahan pada penganan apa-apa penalti di bawah Akta ini, menentukan atau mentaksirkan amaun apa-apa tambang, caj, gantirugi, perbelanjaan atau apa jua pun jumlah wang yang mungkin menjadi kena dibayar oleh orang itu kepada syarikat keretapi, dan memerintahkan amaun itu dibayar oleh orang itu kepada syarikat keretapi.

Mendapatkan kembali tambang, caj atau gantirugi.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menahan pendapatan kembali apa-apa tambang, caj, gantirugi, perbelanjaan atau apa jua pun jumlah wang lain yang mungkin menjadi kena dibayar oleh mana-mana orang kepada syarikat keretapi melalui suatu tuntutan sivil di hadapan suatu mahkamah yang mempunyai bidangkuasa sivil.

76. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan kesalahan itu dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pengetahuan, atau disebabkan oleh apa-apa pengabaian di pihak, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas apa-apa sifat sedemikian, maka dia, dan juga pertubuhan perbadanan itu, adalah melakukan kesalahan itu dan tindakan boleh diambil terhadapnya serta boleh dihukum dengan sewajarnya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

(2) Jika hal-ehwal sesuatu pertubuhan perbadanan diuruskan oleh anggota-anggotanya, subseksyen (1) hendaklah terpakai berhubungan dengan perbuatan-perbuatan dan keingkaran-keingkaran seseorang anggota berkaitan dengan fungsi-fungsi pengurusannya seolah-olah dia adalah pengarah pertubuhan perbadanan itu.

Mengkompaun kesalahan-kesalahan.

77. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya boleh mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya dengan memungut daripada mana-mana orang yang disyaki dengan munasabahnya telah melakukan kesalahan-kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(2) Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan dan cara dan prosedur untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan itu.

Pendakwaan.

78. Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya adalah berkompoten untuk menjalankan suatu pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya di hadapan mana-mana mahkamah.

## BAHAGIAN X

### PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN LESEN

Penggantungan atau pembatalan lesen.

79. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa sesuatu syarikat keretapi sedang melanggar, atau telah melanggar dan berkemungkinan melanggar lagi mana-mana daripada syarat-syarat lesennya, Ketua Pengarah boleh memberi notis bertulis kepada syarikat keretapi itu yang menghendaknya mematuhi syarat itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

(2) Jika apabila habis tempoh yang ditetapkan dalam notis itu, syarikat keretapi itu gagal mematuhi syarat yang tersebut di dalamnya, Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu laporan mengenai kegagalan syarikat keretapi itu dan laporan itu hendaklah dalam bentuk yang didapati sesuai oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika, selepas menimbangkan laporan daripada Ketua Pengarah, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran itu, atau pelanggaran yang dibimbangkan itu adalah, bersifat serius atau menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan kepentingan atau keselamatan awam, dan bahawa syarikat keretapi itu telah enggan mengambil atau telah tidak mengambil segala langkah yang ternyata kepada Menteri adalah perlu bagi maksud memastikan pematuhan syarat yang berkenaan, Menteri boleh memberi syarikat keretapi itu notis yang menyatakan bahawa dia bercadang untuk menggantungkan atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, lesen syarikat keretapi itu dan notis sedemikian hendaklah juga menetapkan atau menyatakan—

- (a) syarat lesen yang telah dilanggar oleh syarikat itu dan perbuatan atau peninggalan yang membentuk pelanggaran itu; dan
- (b) tempoh (yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalam mana syarikat keretapi itu boleh membuat representasi-representasi mengenai penggantungan atau pembatalan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh syarikat keretapi, Menteri hendaklah memutuskan sama ada untuk meneruskan tindakan yang dicadangkan itu atau tidak mengambil apa-apa tindakan lanjut.

(5) Suatu notis hendaklah diberikan oleh Menteri kepada syarikat keretapi itu mengenai keputusannya dan keputusan itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang notis tersebut disampaikan kepada syarikat itu.

(6) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

Tindakan  
Menteri  
dalam  
hal-hal  
keadaan  
tertentu.

**80.** (1) Jika sesuatu lesen telah digantung atau dibatalkan di bawah seksyen 79 dan Menteri berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan awam bagi apa-apa perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh syarikat keretapi itu diteruskan, maka dia boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) memperuntukkan bagi Ketua Pengarah mengambil alih kawalan ke atas keseluruhan harta, perniagaan dan hal-ehwal syarikat keretapi itu, dan menjalankan keseluruhan perniagaan dan hal-ehwalnya, atau untuk mengambil alih kawalan ke atas sekian bahagian harta, perniagaan dan hal-ehwalnya dan menjalankan sekian bahagian perniagaan dan hal-ehwalnya, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, atau memperuntukkan bagi Ketua Pengarah melantik mana-mana orang untuk berbuat demikian bagi pihak Ketua Pengarah dan memperuntukkan bagi kos dan perbelanjaan Ketua Pengarah, atau saraan orang yang dilantik sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya kena dibayar daripada kumpulan wang dan harta syarikat itu sebagai gadaian pertama ke atasnya;
- (b) sama ada atau tidak suatu perintah telah dibuat di bawah perenggan (a), membenarkan suatu permohonan yang hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik seseorang penerima atau pengurus untuk menguruskan keseluruhan perniagaan, hal-ehwal dan harta syarikat keretapi itu, atau sekian bahagiannya sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, dan bagi segala perintah atau arahan Mahkamah Tinggi yang sampingan, tambahan atau berbangkit berhubungan dengan perlantikan itu sebagaimana yang didapati perlu atau suaimanfaat oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu perintah Menteri di bawah subseksyen (1) boleh, dari semasa ke semasa, diubahsuai, dipinda, diubahpinda, diubah atau digantikan sama ada secara prospektif, atau jika ia tidak tak praktik atau tak adil untuk berbuat demikian, secara retrospektif, melalui suatu perintah lanjut di bawah subseksyen (1).

(3) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau subseksyen (2) boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan melalui suatu perintah yang dibuat seumpamanya oleh Menteri dan apa-apa perintah sedemikian boleh mengandungi segala perintah, arahan atau peruntukan yang bersifat sampingan, tambahan atau berbangkit sebagaimana yang difikirkan perlu atau suaimanfaat oleh Menteri.

**81.** (1) Seseorang yang dilantik oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 80 (1) (a) hendaklah dilantik selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, tetapi tidaklah melebihi, dalam mana-mana hal, dua tahun, tetapi boleh dilantik semula, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri, selama tiga tempoh lanjut berturut-turut yang tidak melebihi satu tahun setiap satu, dan hendaklah, dalam tempoh perlantikan atau perlantikan semula itu, memegang jawatannya mengikut kehendak Ketua Pengarah.

Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan perlantikan di bawah seksyen 80.

(2) Terma-terma dan syarat-syarat perlantikan yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah, tertakluk kepada perintah yang dibawahnya perlantikan itu dibuat dan kepada subseksyen (1), ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah mengikat syarikat keretapi yang berkenaan.

(3) Seseorang yang memegang mana-mana perlantikan sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1) tidaklah rnelakukan apa-apa obligasi atau liabiliti semata-mata disebabkan dia memegang perlantikan sedemikian.

(4) Jika seorang penerima atau pengurus telah dilantik berkenaan dengan sesuatu syarikat keretapi oleh Mahkamah Tinggi di bawah perenggan 80 (1) (b), segala kos, caj dan perbelanjaan yang sepatutnya, termasuklah saraan penerima atau pengurus itu, hendaklah kena dibayar daripada aset-aset syarikat keretapi itu dengan diberi keutamaan daripada segala tuntutan lain.

Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pengambilan alih kawalan di bawah seksyen 80.

82. (1) Jika kawalan ke atas sesuatu syarikat keretapi telah diambil alih menurut perintah di bawah seksyen 80, syarikat itu dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawainya hendaklah mengemukakan harta, perniagaan dan hal-ehwalnya kepada kawalan itu, dan hendaklah mengadakan untuk Ketua Pengarah atau, jika kawalan itu diambil alih oleh seseorang yang dilantik oleh Ketua Pengarah (kemudian daripada ini dalam Bahagian ini disebut sebagai "orang dilantik"), untuk orang dilantik itu, segala kemudahan sebagaimana yang dikehendaki untuk menjalankan perniagaan dan hal-ehwal syarikat keretapi itu.

(2) Jika kawalan ke atas sesuatu syarikat keretapi telah diambil alih menurut perintah di bawah seksyen 80, Ketua Pengarah atau orang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus mempunyai kawalan ke atas harta, perniagaan dan hal-ehwal syarikat keretapi yang berkenaan, dan menjalankan perniagaan dan hal-ehwal syarikat itu atas nama dan bagi pihak syarikat itu, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah tersebut, sehinggalah suatu masa apabila perintah tersebut dibatalkan di bawah subseksyen 80 (3).

(3) Di sepanjang tempoh kawalan sesuatu syarikat keretapi menurut perintah di bawah seksyen 80, hendaklah terletak pada Ketua Pengarah atau orang dilantik itu, mengikut mana-mana berkenaan, segala kuasa syarikat itu dan pengarah-pengarahnya, di bawah dokumen-dokumen konstituen syarikat itu atau yang boleh dijalankan oleh syarikat itu atau pengarah-pengarahnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau dengan cara apa sekalipun selainnya, tidak

kira sama ada kuasa-kuasa itu boleh dijalankan melalui ketetapan, ketetapan khas, atau mengikut apa-apa jua pun cara lain, dan apa-apa jua pun kesulitan yang berbangkit berhubungan dengannya boleh diselesaikan oleh Menteri melalui arahan bertulis.

(4) Dalam tempoh yang suatu perintah di bawah seksyen 80 sedang berkuatkuasa, tiada pengarah syarikat keretapi yang dimaksudkan oleh perintah itu boleh, sama ada secara langsung atau tak langsung, melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berhubungan dengan syarikat itu, kecuali sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Ketua Pengarah atau orang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tiada saraan daripada apa jua pun jenis boleh terakru atau menjadi kena dibayar kepada mana-mana pengarah syarikat itu, kecuali sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah atau orang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubungan dengan apa-apa aktiviti yang dikehendaki atau dibenarkan seperti yang disebut terdahulu oleh Ketua Pengarah atau orang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 80 tidak berkuatkuasa untuk memberi kepada, atau meletakhakkan pada, Ketua Pengarah atau orang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa hakmilik bagi, atau apa-apa kepentingan benefisial dalam, mana-mana harta syarikat keretapi yang dimaksudkan oleh perintah itu.

## BAHAGIAN XI

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI

83. Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya bagi maksud itu, boleh bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, memasuki mana-mana keretapi atau premis keretapi untuk memeriksa dan meneliti keadaan keretapi atau premis keretapi itu.

Kuasa  
kemasukan.

Penyelesaian perselisihan di antara syarikat-syarikat keretapi berkenaan dengan pengurusan trafik bersama.

84. Jika dua atau lebih syarikat keretapi, yang keretapi masing-masing mempunyai satu terminal yang sama atau suatu bahagian daripada jalan perhubungan keretapi yang sama, tidak dapat bersetuju mengenai perkiraan bagi menguruskan, di terminal yang sama itu atau di tempat persimpangan di antaranya, keselamatan trafik bersama mereka, maka Ketua Pengarah, atas permohonan salah satu atau mana-mana syarikat itu, boleh memutuskan perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka, setakat yang perkara-perkara itu berhubungan dengan keselamatan orang awam, dan boleh menentukan sama ada keseluruhan atau sekian kadar perbelanjaan yang terlibat dalam perkiraan itu hendak ditanggung oleh salah satu atau mana-mana syarikat itu masing-masingnya.

Penge-mukaan memorandum bagi apa-apa pertukaran pada struktur tambang, dsb., yang sedia ada.

85. (1) Mana-mana syarikat keretapi yang dilesenkan di bawah Akta ini hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu memorandum bagi apa-apa pertukaran pada struktur tambang, kadar atau caj yang sedia ada, bagi kelulusan Menteri, dan jika tiada jawapan diterima daripada Menteri dalam masa enam bulan daripada pengemukannya, pertukaran pada struktur tambang, kadar atau caj yang sedia ada itu hendaklah mula berkuatkuasa apabila habis tempoh itu.

(2) Syarikat keretapi itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menyiarkan pertukaran struktur tambang, kadar atau caj yang sedia ada itu dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, salah satunya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(3) Ketua Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, membuat pemberitahuan yang perlu dalam *Warta* berkenaan dengan pertukaran struktur tambang, kadar atau caj yang sedia ada itu.

86. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, apabila berlakunya apa-apa kerusuhan perindustrian, mogok, sekat-masuk atau apa-apa kejadian lain yang menimbulkan darurat atau demi kepentingan ketenteraman atau keselamatan awam, memberikuasa Menteri untuk—

Kuasa-kuasa khas semasa darurat.

- (a) mengambil milikan sementara akan mana-mana keretapi atau perkhidmatan atau kemudahan keretapi yang diadakan, disenggarakan atau dikerjakan oleh sesuatu syarikat keretapi;
- (b) menarik balik, sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya, penggunaan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan keretapi daripada mana-mana orang atau golongan orang atau daripada orang awam pada umumnya.

(2) Jika apa-apa keraguan berbangkit mengenai kewujudan sesuatu darurat awam atau sama ada apa-apa tindakan yang dilakukan di bawah subseksyen (1) adalah demi kepentingan ketenteraman atau keselamatan awam, suatu perakuan yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan dipamerkan di mana-mana tempat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri hendaklah menjadi bukti konklusif mengenai hal itu.

(3) Jika Kerajaan mengambil milik mana-mana keretapi atau perkhidmatan atau kemudahan keretapi di bawah perenggan (1) (a), pampasan mencukupi hendaklah dibayar,

87. (1) Tiada satu pun stokereta, jentera, loji, alat, kelekapan, bahan atau harta benda yang digunakan atau disediakan oleh sesuatu syarikat keretapi bagi maksud trafik di atas keretapinya, atau bagi maksud stesen atau bengkelnya, boleh diambil untuk pelaksanaan apa-apa dekri atau perintah mana-mana mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau orang yang mempunyai kuasa menurut undang-undang untuk menahan atau merampas harta, atau selainnya menyebabkan harta diambil untuk pelaksanaan melainkan jika melalui perintah atau arahan mahkamah menurut perenggan 80 (b).

Sekalian mengenai pelaksanaan terhadap harta keretapi.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh ditafsirkan sebagai menyentuh kuasa mana-mana mahkamah untuk menahan pendapatan sesuatu syarikat keretapi untuk pelaksanaan sesuatu penghakiman atau perintah.

Kuasa untuk  
membuat  
peraturan-  
peraturan.

88. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, dari semasa ke semasa, membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat bagi menjalankan atau mencapai tujuan-tujuan dan maksud-maksud Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk memastikan dan mengawalselia pembawaan selamat penumpang-penumpang dan barang-barang oleh mana-mana syarikat keretapi;
- (b) untuk mengawalselia penggunaan dan penyenggaraan selamat premis keretapi;
- (c) untuk menetapkan apa yang hendak disifatkan sebagai barang-barang merbahaya atau memudaratkan dan pengawalseliaan pembawaan barang-barang sedemikian;
- (d) untuk menetapkan caj maksimum yang kena dibayar bagi membawa penumpang-penumpang dan barang-barang oleh mana-mana syarikat keretapi;
- (e) untuk menetapkan apa yang hendak disifatkan sebagai penyakit berjangkit atau menular dan untuk mengawalselia syarat-syarat yang dibawahnya syarikat-syarikat keretapi boleh membawa orang-orang atau haiwan yang mengalami penyakit-penyakit berjangkit atau menular itu, dan untuk mengadakan peruntukan mengenai disinfeksi koc-koc yang telah digunakan oleh orang-orang atau haiwan itu;

- (f) untuk mengawalselia pembinaan dan penyenggaraan keretapi dan pelintasan atau cara menghampiri mana-mana jalan awam atau jalan besar oleh sesuatu tren;
- (g) untuk mengadakan peruntukan bagi pencegahan pencerobohan, kacau-ganggu atau galangan ke atas, atau kerosakan atau kecacatan kepada, sesuatu keretapi;
- (h) untuk mengadakan peruntukan bagi pengekalan dan penggalakan ketertiban, kesucian dan kebersihan di atas sesuatu keretapi;
- (i) untuk menetapkan borang dan prosedur yang berhubungan dengan pendaftaran pemandu-pemandu tren dan mana-mana orang lain yang diamanahkan dengan penjagaan, pengawalan atau pengendalian keretapi dan untuk menetapkan kelayakan-kelayakan minimum yang perlu dimiliki oleh orang-orang itu; dan
- (j) untuk menetapkan standard dan spesifikasi minimum berkenaan dengan rekabentuk, pembinaan dan penyenggaraan get atau sawar sesuatu lintasan rata kerja dan untuk mengawalselia penggunaan lintasan itu.

## BAHAGIAN XII

### PERBADANAN ASET KERETAPI DAN HARTA KERETAPI

**89.** (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Perbadanan Aset Keretapi" (kemudian daripada ini disebut "Perbadanan") yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak, dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan tak alih daripada tiap-tiap perihalan dan boleh memindahhakkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadai, menggadai-janji, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan

Penubuhan,  
keanggotaan  
dan fungsi  
Perbadanan  
Aset  
Keretapi.

atau selainnya melupuskan, atau mengurusniagakan, apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan di dalamnya yang terletak pada Perbadanan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Perbadanan hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang wakil Kementerian Pengangkutan;
- (b) seorang wakil Perbendaharaan;
- (c) seorang wakil Unit Perancang Ekonomi;
- (d) Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
- (e) Pengurus Aset Keretapi yang hendaklah menjadi anggota *ex-officio*; dan
- (f) tidak lebih daripada dua orang anggota lain.

(3) Menteri hendaklah melantik seorang dari kalangan anggota-anggota Perbadanan untuk menjadi Pengerusi.

(4) Jika Pengerusi tidak dapat hadir di mana-mana mesyuarat Perbadanan oleh sebab sakit, ketidakupayaan atau apa-apa sebab lain, maka Menteri boleh melantik mana-mana anggota lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mempengerusikan mesyuarat dan anggota tersebut bolehlah menjalankan semua kuasa Pengerusi berkenaan dengan mesyuarat itu.

(5) Pengerusi dan empat orang anggota lain hendaklah membentuk kuorum di sesuatu mesyuarat Perbadanan.

(6) Jika, mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan, terdapat undi yang sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(7) Peruntukan-peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

(8) Fungsi-fungsi Perbadanan adalah—

(a) untuk mengurus, mentadbir dan menyenggarakan—

(i) segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;

(ii) segala harta yang terletak pada, atau dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa seksyen 93 adalah terletak pada Perbadanan,

dan untuk mengurus dan mentadbirkan segala liabiliti berkenaan dengannya;

(b) untuk menggalakkan dan mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan keretapi; dan

(c) untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

90. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melantik seseorang yang layak dan sesuai sebagai Pengurus Aset Keretapi yang hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Perbadanan.

Perlantikan  
Pengurus Aset  
Keretapi.

(2) Maka hendaklah dibayar kepada Pengurus Aset Keretapi apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

91. (1) Perbadanan hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan-arahan yang tidak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan Perbadanan hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, melaksanakan segala arahan itu.

Kuasa Menteri  
untuk memben  
arahan.

(2) Pada menjalankan mana-mana arahan Menteri di bawah subseksyen (1), Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu atau bersampingan dengan penunaian fungsi-fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan apa yang disebut terdahulu, hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menerima bantuan atau pemberian kewangan daripada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana orang lain atau selainnya dengan kelulusan Menteri Kewangan untuk meminjam wang daripada mana-mana institusi kewangan atau orang lain dan berkaitan dengannya untuk mengadakan apa-apa cagaran sebagaimana yang difikirkannya sesuai;
- (b) dengan kelulusan Menteri Kewangan, untuk memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat keretapi yang dinamakan oleh Menteri, termasuk subsidiari syarikat itu, bagi menjalankan mana-mana projek yang berhubungan dengan pengadaan kemudahan dan perkhidmatan keretapi; dan
- (c) dengan kelulusan Menteri Kewangan, untuk membuat apa-apa perkiraan bagi perkongsian keuntungan, penyatuan kepentingan, kerjasama atau usahasama dengan mana-mana syarikat keretapi yang dinamakan oleh Menteri atau mana-mana orang lain atau kumpulan orang atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

*Akta 125.*

Pembubaran  
Pentadbiran  
Keretapi  
Tanah  
Melayu dan  
perletakhakan  
hartanya pada  
Perbadanan.

92. (1) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang wujud di bawah Ordinan termansuh adalah dibubarkan.

(2) Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai "Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu", "Keretapi Tanah Melayu", atau "Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

**93.** Segala harta yang terletak pada, dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh hendaklah terletak pada Perbadanan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan bagi hakmilik, estet, atau kepentingan yang serupa dan selama pemegangan serupa sebagaimana ia telah terletak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

Perletakkan  
harta pada  
Perbadanan.

**94.** (1) Segala tanah dalam Republik Singapura yang terletak pada Kerajaan Malaysia atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud-maksud mengendalikan dan menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan keretapi di Republik itu menurut atau di bawah Ordinan Pemindahan Keretapi Singapura 1918 atau Akta Keretapi 1987 Republik itu hendaklah masih terletak pada Kerajaan Malaysia atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta ini.

Perletakkan  
harta yang,  
terletak di  
Republik  
Singapura  
pada Pesuruh-  
jaya Tanah  
Persekutuan.

(2) Segala harta yang terletak di Republik Singapura dan yang terletak pada, dipegang atau telah

diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh hendaklah masih terletak pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Akta ini.

Liabiliti  
boleh dikuat-  
kuasakan  
terhadap  
Perbadanan  
atau Pesuruh-  
jaya Tanah  
Persekutuan.

95. Segala liabiliti sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud-maksud Keretapi Tanah Melayu boleh dikuatkuasakan terhadap Perbadanan atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perlantikan  
pegawai, dsb.,  
Perbadanan.

96. (1) Perbadanan boleh, dengan persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan, dari semasa ke semasa, melantik sekian bilangan pegawai dan pengkhidmat atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini sebagaimana yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Bahagian ini.

(2) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, mengguna khidmat dan membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik, termasuk peguambela dan peguamcara, jurubank, broker saham, juruukur, penilai dan orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau menunaikan kewajipan-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan lebih baik.

(3) Seseorang pegawai atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Perbadanan hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Perbadanan,

Akta Per-  
lindungan  
Pihak  
Berkuasa  
Awam 1948  
Akta 198.

97. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau presiding terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana pegawai atau pengkhidmat Perbadanan berkenaan dengan mana-mana tindakan, keabaiian atau kemungkiran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat itu.

**98.** (1) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut "Kumpulan Wang").

Penubuhan  
Kumpulan  
Wang Per-  
badanan Aset  
Keretapi.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Perbadanan di bawah Bahagian ini;
- (b) apa-apa jumlah wang yang disedia adakan dari semasa ke semasa bagi Perbadanan melalui pinjaman; dan
- (c) wang yang didapatkan atau yang berbangkit daripada apa-apa jualan harta atau apa-apa urusniaga lain yang berhubungan dengan harta atau pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Perbadanan.

(3) Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran.

(4) Perbelanjaan Perbadanan sehingga suatu amaun yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri, bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(5) Sebelum bermulanya setiap tahun kewangan, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri Kewangan suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek-projek pemajuan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri Kewangan, dan Menteri Kewangan hendaklah,

selepas berunding dengan Menteri, sebelum bermulanya tahun yang berikut itu, memberitahu Perbadanan mengenai amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau mengenai amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(6) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri Kewangan suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan itu.

Ketidak-  
layakan  
untuk  
diambil  
kerja  
sebagai  
pegawai  
atau  
pengkhidmat  
Perbadanan.

**99.** (1) Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Perbadanan jika dia, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Perbadanan.

(2) Mana-mana pegawai atau pengkhidmat Perbadanan yang mempunyai atau memperolehi apa-apa syer atau kepentingan sedemikian boleh menurut budi bicara Perbadanan dibuang kerja.

(3) Jika mana-mana pegawai atau pengkhidmat Perbadanan pada masa perlantikannya sebagai pegawai atau pengkhidmat sedemikian telahpun mempunyai atau mengawal apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana harta yang, terkemudian daripada perlantikannya sebagai pegawai atau pengkhidmat sedemikian, dimasukkan atau diniatkan untuk dimasukkan dalam mana-mana kontrak atau kontrak dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Perbadanan, maka dia hendaklah mendedahkan perkara itu kepada Perbadanan secara bertulis.

Akaun  
teraudil.  
penyata,  
laporan.  
akaun dan  
maklumat.

**100.** (1) Perbadanan hendaklah memberi Menteri akaun tahunan teraudit bagi setiap tahun kewangan dalam masa enam bulan dalam tahun yang berikutnya.

(2) Perbadanan hendaklah memberi Menteri segala penyata, laporan, akaun dan maklumat mengenai harta dan aktivitiinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan-peruntukan subseksyen (1), Perbadanan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantarkan kepada Menteri suatu laporan mengenai aktiviti-aktiviti Perbadanan dalam tahun kewangan yang sebelumnya dan dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan polisi Perbadanan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa,

101. (1) Tertakluk kepada apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini, Pengurus Aset Keretapi hendaklah, menurut arahan Perbadanan, menyelesaikan segala soalan yang berhubungan dengan perkhidmatan, saraan, keistimewaan dan elaun pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan.

Kuasa untuk membuang kerja pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat dan menyelesaikan soalan tentang saraan, dsb.. mereka.

(2) Tertakluk kepada apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini, Perbadanan boleh mewakilkan kuasanya untuk menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan kepada Pengurus Aset Keretapi kecuali kuasanya untuk membuang kerja mana-mana pegawai atau pengkhidmat Perbadanan.

102. Perbadanan boleh, dengan persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan, dari semasa ke semasa, membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan terma dan syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan termasuk kaedah-kaedah untuk mengadakan peruntukan mengenai tatatertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan.

Kaedah-kaedah yang menentukan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat.

103. Perbadanan boleh menjual, memindahhakkan, memindahkan, memajakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadai-janjikan, menggadaikan, memindahhakkan semula, menyerahhakkan semula, atau selainnya mengurusniagakan mana-mana harta tak alih yang disebutkan dalam seksyen 93 atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Perbadanan boleh melupuskan harta tak alih yang terletak padanya.

Tanah-tanah awam tertentu disifatkan sebagai rizab keretapi.

104. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perizapan tanah bagi maksud awam—

- (a) semua tanah Negeri yang pada mula berkuatkuasanya Ordinan termansuh telah diduduki, atau di bawah kawalan, atau digunakan bagi maksud-maksud, Keretapi Tanah Melayu, hendaklah disifatkan sebagai rizab keretapi di bawah Akta ini sama ada atau tidak apa-apa perizapan nyata telah disiarkan berkenaan dengannya; dan
- (b) semua tanah yang disifatkan sebagai rizab keretapi di bawah seksyen 16 atau 17 Ordinan termansuh hendaklah terus disifatkan sebagai rizab keretapi di bawah Akta ini.

### BAHAGIAN XIII

#### PEMANSUHAN DAN KECUALIAN

Pemansuhan dan kecualian.

105. (1) Ordinan Keretapi 1948 adalah dimansuhkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah atau mengikut Ordinan termansuh hendaklah, setakat yang perundangan subsidiari itu tidak tak konsisten dengan Akta ini, terus berkuatkuasa sehinggalah dipinda, dibatalkan atau digantikan oleh Akta ini,

(3) Kecuali setakat yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh—

- (a) menyentuh penguatkuasaan terdahulu, atau apa-apa jua yang dilakukan atau dibiarkan dengan sewajarnya di bawah Ordinan termansuh; dan
- (b) menyentuh apa-apa hak, hakmilik, kepentingan, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau dilakukan di bawah Ordinan termansuh.

(4) Segala sewa yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa pajakan rizab keretapi yang diberikan di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan termansuh hendaklah, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

106. Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, membuat apa-apa peruntukan yang didapatinya perlu atau suaimanfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesusahan yang disebabkan oleh mula berkuatkuasanya Akta ini, dan mana-mana peraturan sedemikian boleh dibuat supaya mempunyai kuatkuasa mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

Kuasa Menteri untuk membuat perumukan-penintukan peralihan tambahan, dsb.

## JADUAL

(Subseksyen 89 (7))

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya, seseorang anggota Perbadanan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

Perlantikan, pembatalan dan perletakan jawatan.

(2) Perlantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

(4) Tiap-tiap anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Perbadanan sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajipan-kewajipannya dengan berkesan.

2. (1) Jawatan seseorang anggota Perbadanan hendaklah menjadi kosong—

Pengosongan jawatan

(a) jika dia mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tak sempurna akal atau, kerana apa-apa sebab lain, tak berupaya menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Perbadanan;
- (f) sekiranya perletakan jawatannya diterima oleh Menteri;
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

Saraan atau  
elaun

3. Maka hendaklah dibayar kepada anggota-anggota Perbadanan apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Mesyuarat,

4. (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat sebagaimana dan apabila dikehendaki.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Perbadanan hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri.

Perbadanan  
boleh  
mengundang  
orjng lam  
menghadm  
mesyuarat

5. Perbadanan boleh meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Perbadanan) menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Perbadanan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Penzahiran  
kepentingan

6. Seseorang anggota Perbadanan yang, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Perbadanan bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang ada mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Perbadanan hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Perbadanan, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Perbadanan dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Perbadanan yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Mint,

7. Perbadanan hendaklah menyebabkan minit segala mesyuarat disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan suatu Akta Keretapi yang baru (kemudian daripada ini disebut "Akta") untuk menggantikan Ordinan Keretapi 1948 (kemudian daripada ini disebut "Ordinan yang ada"). Dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan perkhidmatan keretapi dikendalikan oleh suatu syarikat persendirian, kebanyakan peruntukan Ordinan yang ada, terutamanya peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pengendalian perkhidmatan keretapi oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, akan menjadi tidak berkenaan. Oleh yang demikian, suatu Akta baru diperlukan untuk mengawalselia pengendalian perkhidmatan keretapi oleh suatu syarikat persendirian.

## BAHAGIAN I

2. Bahagian I bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa bagi Akta dan membenarkan Menteri menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta atau kesemua atau peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta berkenaan dengan Negeri-Negeri atau wilayah-wilayah yang berlainan,
4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.

## BAHAGIAN II

5. Bahagian II bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlantikan dan tugas serta fungsi Ketua Pengarah Keretapi.
6. *Fasal 3* memperkatakan perlantikan Ketua Pengarah oleh Menteri.
7. *Fasal 4* menyebutkan tugas-tugas dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah yang termasuk pengawalseliaan kendalian keretapi dan perkhidmatan keretapi serta pemajuan kepentingan-kepentingan pengguna kemudahan dan perkhidmatan keretapi.
8. *Fasal 5* memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mewakilkan mana-mana tugas dan fungsinya di bawah Akta kepada mana-mana pegawai awam kecuali kuasa untuk membuat peraturan-peraturan,
9. *Fasal 6* memberi Menteri kuasa untuk memberi Ketua Pengarah arahan-arahan tertentu yang tidak tak konsisten dengan Akta yang hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Pengarah.

## BAHAGIAN III

10. Bahagian III memperkatakan skim keretapi.

11. *Fasal 7* menghendaki mana-mana orang yang berniat membina suatu keretapi untuk raendepositkan suatu skim keretapi dengan Menteri yang mengandungi, antara lainnya, jenis dan sistem, laluan dan tempat terminal, tambang dan aspek keselamatan yang dicadangkan, bagi keretapi yang dicadangkan.

12. *Fasal 8* memperuntukkan bahawa Menteri boleh menolak atau memberikan kelulusan bersyarat kepada sesuatu skim keretapi. Fasal ini memperuntukkgn selanjutnya bahawa jika kelulusan bersyarat diberikan, pemohon dikehendaki mendepositkan pelan dan keratan bagi keretapi yang dicadangkan itu dan suatu buku rujukan yang mengandungi nama-nama tuan punya dan penerima pajak tanah-tanah yang dikehendaki bagi keretapi yang dicadangkan itu. *Fasal 9* menghendaki keretapi itu dibina mengikut pelan-pelan diluluskan.

13. *Fasal 10* menyifatkan tanah-tanah yang dikehendaki bagi rnaksud membina sesuatu keretapi sebagai tanah yang dikehendaki bagi maksud awam mengikut pengertian Akta Pengambilan Tanah 1960.

## BAHAGIAN IV

14. Bahagian IV memperkatakan pembinaan dan kerja-kerja.

15. *Fasal 11* memperkatakan kuasa-kuasa syarikat keretapi apabila membina sesuatu keretapi atau kemudahan atau kerja-kerja yang berkaitan dengannya. Kuasa-kuasa ini termasuklah kuasa untuk membuat atau membina struktur-struktur sementara, termasuk jambatan, jalan, conduit dan parit dan kuasa untuk mengubah secara sementara haluan mana-mana jalan, lebuhraya atau jalan lalu. Penjalanan kuasa-kuasa ini adalah, walau bagaimanapun, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah. Sesuatu syarikat keretapi, sebelum menjalankan mana-mana kuasa ini, adalah juga dikehendaki memberi notis kepada tuan punya atau penduduk tanah mengenai niatnya memasuki tanah itu.

16. *Fasal 12* memperkatakan kuasa-kuasa syarikat keretapi dalam hal kemalangan.

17. *Fasal 13* memperuntukkan mengenai pembayaran pampasan sekiranya kerosakan disebabkan pada mana-mana tanah berbangkit daripada syarikat keretapi menjalankan kuasa-kuasanya di bawah *fasal 12*.

18. *Fasal 14* mewujudkan suatu obligasi ke atas syarikat keretapi untuk membina dan menyenggarakan infrastruktur tertentu, termasuk lintasan dan jambatan bagi kemudahan tuan-tuan punya dan penduduk-penduduk tanah yang berdampingan dengan keretapi.

19. *Fasal 15* memperkatakan pengadaan kerja-kerja kemudahan tambahan oleh syarikat keretapi.

20. *Fasal 16* memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menghendaki syarikat keretapi menyediakan atau memperbaharui pagar-pagar, tanda-tanda sempadan atau adangan-adangan dalam masa yang dinyatakan.

21. *Fasal 17, 18, 19* dan *20*, masing-masingnya memperkatakan lintasan rata bergred, lintasan rata jalan, lintasan rata suwa dan lintasan rata kerja.

22. *Fasal 21* membuat peruntukan mengenai pembuangan pokok-pokok yang merbahaya kepada, atau yang menghalang, pengerjaan suatu keretapi.

23. *Fasal 22* menghendaki tuan punya atau penduduk mana-mana tanah memberi notis kepada syarikat keretapi sebelum menebang atau menebas mana-mana pokok atau hutan yang bersempadanan dengan suatu keretapi.

#### BAHAGIAN V

24. Bahagian V memperkatakan pelesenan syarikat-syarikat keretapi dan pembukaan keretapi.

25. *Fasal 23* melarang seseorang mengendalikan mana-mana keretapi tanpa lesen daripada Menteri. Walau bagaimanapun peruntukan ini tidak terpakai berkenaan dengan seseorang yang skim keretapinya telah diluluskan di bawah *fasal 8* dan orang itu kemudiannya dianggap sebagai pemohon yang berkelayakan dan sesuai.

26. *Fasal 24* memperkatakan notis mengenai pembukaan yang dimaksudkan bagi sesuatu keretapi. Di bawah fasal ini, sesuatu syarikat keretapi hendaklah memberi sekurang-kurangnya notis satu bulan kepada Ketua Pengarah mengenai niatnya untuk membuka sesuatu keretapi.

27. *Fasal 25* mensyaratkan bahawa Menteri hanya boleh memberi kelulusannya kepada pembukaan sesuatu keretapi selepas dia telah menerima suatu laporan bertulis daripada jurutera yang dilantik oleh Ketua Pengarah bahawa, antara lainnya, jurutera itu telah membuat pemeriksaan cermat akan keretapi itu dan bahawa pada pendapatnya keretapi itu tidak akan memudaratkan penumpang-penumpang atau barang-barang.

28. *Fasal 26* memperkatakan pemeriksaan keretapi yang hendaklah dilakukan oleh jurutera yang dilantik oleh Ketua Pengarah.

29. *Fasal 27, 28 dan 29* memperkatakan kuasa Ketua Pengarah menutup suatu keretapi dan perkara-perkara yang berhubungan dengan pembukaan semula keretapi selepas ditutup atau digantung secara sementara.

30. *Fasal 30* memperuntukkan mengenai penalti kerana kegagalan mematuhi Bahagian V.

#### BAHAGIAN VI

31. Bahagian VI memperkatakan kewajipan-kewajipan syarikat keretapi.

32. *Fasal 31* mengenakan kewajipan ke atas suatu syarikat keretapi untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan keretapi yang memenuhi standard yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan untuk memajukan dan menyenggarakan suatu sistem keretapi yang cekap.

33. *Fasal 32* memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menetapkan, melalui peraturan-peraturan, standard prestasi yang sepatutnya dicapai oleh sesuatu syarikat keretapi.

34. *Fasal 33, 34 dan 35* memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan pengemukaan laporan, akaun dan maklumat oleh syarikat keretapi.

35. *Fasal 36* mengenakan kewajipan ke atas syarikat keretapi untuk memberitahu Ketua Pengarah mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (a) apa-apa pertukaran dalam pengawalan syarikat itu;
- (b) apa-apa pertikaian perindustrian di antara syarikat itu dengan pekerja-pekerjanya;
- (c) apa-apa kejadian kebakaran dalam premisnya; dan
- (d) apa-apa presiding yang dibuat terhadap syarikat itu yang mungkin menjejaskan syarikat itu dengan mudaratnya.

## BAHAGIAN VII

36. Bahagian VII memperkatakan kuasa-kuasa syarikat keretapi termasuk kuasa untuk menahan barang-barang yang baginya apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada syarikat itu belum lagi dibayar (*fasal 39*) dan kuasa untuk menguruskan, termasuk melupuskan, barang-barang tak dituntut (*fasal 40*).

## BAHAGIAN VIII

37. Bahagian VIII memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan kemalangan.

38. *Fasal 45* menghendaki suatu notis mengenai sesuatu kemalangan diberikan oleh pegawai keretapi yang menjaga stesen yang paling hampir dengan tempat berlakunya kemalangan itu dan juga oleh syarikat keretapi itu. Notis oleh pegawai keretapi adalah kepada pihak polis dan notis oleh syarikat itu adalah kepada Ketua Pengarah.

39. *Fasal 46* memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan siasatan ke atas kemalangan keretapi. Apabila berlakunya sesuatu kemalangan, syarikat keretapi hendaklah menjalankan suatu siasatan dalaman untuk menentukan sebab kemalangan itu dan mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu laporan mengenai dapatannya. Walau bagaimanapun, jika Ketua Pengarah tidak berpuas hati dengan laporan itu, dia boleh membentuk suatu jawatankuasa penyiasatan untuk menyiasat kemalangan itu.

40. *Fasal 47* memeruntukkan bahawa Menteri boleh memerintahkan sesuatu siasatan ke atas mana-mana kemalangan yang berlaku di atas keretapi.

41. *Fasal 50* menghendaki syarikat keretapi mengemukakan suatu penyata mengenai segala kemalangan yang berlaku di atas keretapinya.

## BAHAGIAN IX

42. Bahagian IX memeruntukkan mengenai kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti.

43. Beberapa daripada kesalahan-kesalahan itu adalah seperti berikut:

- (a) mabuk atau pelanggaran tugas oleh seorang pegawai keretapi (*fasal 54*);
- (b) membawa barang-barang merbahaya atau memudaratkan di atas keretapi (*fasal 55*);

- (c) kelakuan tak senonoh atau sumbang (*fasal 59*);
- (d) penggunaan tak wajar alat isyarat kecemasan (*fasal 60*);
- (e) kerosakan atau kecuaiian dengan sengaja (*fasal 64*); dan
- (f) menghalang keretapi dengan niat jahat (*fasal 66*).

44. *Fasal 74* memperkatakan penangkapan pesalah-pesalah oleh mana-mana pegawai polis atau pegawai keretapi.

45. *Fasal 75* memperkatakan kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

46. *Fasal 77* memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun.

#### BAHAGIAN X

47. Bahagian X memperkatakan penggantung atau pembatalan lesen.

48. *Fasal 79* memperuntukkan bahawa jika syarikat keretapi telah melanggar mana-mana syarat lesennya, Menteri boleh, selepas memberi notis yang perlu, menggantung atau membatalkan lesen syarikat itu.

49. Di bawah *fasal 80*, Menteri boleh, jika lesen syarikat keretapi telah digantung atau dibatalkan dan adalah demi kepentingan awam bagi perkhidmatan itu diteruskan, melantik Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk mengambil alih kawalan ke atas syarikat keretapi itu.

50. *Fasal 81* dan *82* memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan perlantikan Ketua Pengarah dan pengambilan alih kawalan ke atas syarikat keretapi.

#### BAHAGIAN XI

51. Bahagian XI memperkatakan perkara-perkara pelbagai.

52. *Fasal 84* adalah mengenai penyelesaian perselisihan di antara syarikat-syarikat keretapi berkenaan dengan pengurusan trafik bersama mereka.

53. *Fasal 85* menghendaki suatu syarikat keretapi mengemukakan memorandum kepada Ketua Pengarah, bagi kelulusan Menteri, jika struktur tambang yang sedia ada diniatkan untuk ditukar.

54. *Fasal 86* memperkatakan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong apabila berlakunya apa-apa darurat awam. Pada menjalankan kuasa-kuasanya, Yang di-Pertuan Agong boleh mengambil milikan sementara akan mana-mana keretapi atau perkhidmatan atau kemudahan keretapi yang diadakan, disenggarakan atau dikerjakan oleh suatu syarikat keretapi dan menarik balik penggunaan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan sedemikian daripada mana-mana orang atau golongan orang atau daripada orang awam pada umumnya.

55. *Fasal 87* melarang pelaksanaan apa-apa dekri atau perintah mahkamah terhadap mana-mana stokereta, jentera, kelekapan atau harta benda lain yang digunakan atau disediakan oleh syarikat keretapi bagi maksud trafik di atas keretapinya.

56. *Fasal 88* memperkatakan kuasa Ketua Pengarah untuk membuat peraturan-peraturan.

## BAHAGIAN XII

57. Bahagian XII memperkatakan Perbadanan Aset Keretapi dan harta keretapi.

58. *Fasal 89* bertujuan menubuhkan Perbadanan Aset Keretapi yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan di bawah nama Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut "Perbadanan"). Perbadanan yang ditubuhkan di bawah fasal ini mempunyai, antara lainnya, fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) untuk mengurus, mentadbir dan menyenggarakan segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan harta yang dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan untuk menguruskan dan mentadbirkan liabiliti berkenaan dengannya;
- (b) untuk memajukan dan mengusahakan pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan keretapi; dan
- (c) untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan oleh Menteri.

59. *Fasal 90* memperkatakan perlantikan Pengurus Aset Keretapi,

60. *Fasal 91* memperkatakan kuasa-kuasa Perbadanan untuk menerima bantuan atau pemberian kewangan daripada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana orang lain, untuk memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat keretapi yang dinamakan oleh Menteri dan untuk membuat apa-apa perkiraan bagi perkongsian keuntungan, penyatuan kepentingan, kerjasama atau usahasama dengan mana-mana syarikat keretapi yang dinamakan oleh Menteri.

61. *Fasal 92* memperkatakan pembubaran Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan peletakhakan segala harta, hak dan liabilitinya pada Perbadanan.

62. *Fasal 93* meletakhakan segala harta yang terletak pada atau dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan Keretapi 1948 pada Perbadanan.

63. *Fasal 94* meletakhakan segala harta yang terletak di Republik Singapura dan yang terletak pada atau dipegang atau telah diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan Keretapi 1948 pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

64. *Fasal 95* menetapkan bahawa segala liabiliti sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud-maksud Keretapi Tanah Melayu boleh dikuatkuasakan terhadap Perbadanan atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

65. *Fasal 96* memperkatakan perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan.

66. *Fasal 98* menubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi yang terdiri daripada, antara lain, jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dan jumlah wang yang diterima sebagai pinjaman.

67. *Fasal 100* memperkatakan akaun teraudit, laporan dan maklumat yang dikemukakan oleh Perbadanan kepada Menteri pada masa-masa dan lat-lat tempoh yang dinyatakan.

68. *Fasal 101* memperkatakan kuasa Pengurus Aset Keretapi menyelesaikan soalan-soalan yang berhubungan dengan perkhidmatan, saraan, keistimewaan dan elaun pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan.

69. Perbadanan diberikan kuasa membuat kaedah-kaedah, termasuk kaedah-kaedah berkenaan dengan tata tertib, di bawah *fasal 102*.

70. *Fasal 103* member Perbadanan kuasa untuk melupuskan harta tak alih yang terletak padanya.

71. *Fasal 104* memperkatakan tanah-tanah yang disifatkan sebagai rizab keretapi.

### BAHAGIAN XIII

72. Bahagian XIII memperkatakan pemansuhan dan kecualian.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 1577.]